

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

“BAGI para akademik, di samping terus berusaha untuk meningkatkan mutu pengajaran, mereka juga perlu lebih rapat dan komited dengan bidang-bidang penyelidikan khasnya bidang-bidang penyelidikan terapan yang belum diterokai.”
- Titah Sempena Majlis Konvokesyen Kesembilan Universiti Brunei Darussalam pada 13 September 1997.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

“DAN sesiapa di antara kamu yang murtad dari agamanya (Islam), lalu dia mati sedang dia dalam keadaan kafir, maka sia-sialah amalan mereka yang baik di dunia dan di Akhirat, mereka itulah ahli Neraka, mereka kekal di dalamnya.”
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Baqarah ayat 217).

TAHUN 58 / BILANGAN 105

2 SEPTEMBER 2013 / 1434 شوال 25

EDISI ISNIN / PERCUMA



67

15 Julai 2013

دولت كباو دولي توان قاتيق

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

Adat warisan harus dipelihara

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 Ogos. - Nilai-nilai kemajlis dalam Adat Istiadat Diraja Brunei perlu dijadikan sebagai *ketarahan* dan penentu setiap perilaku dalam merealisasikan negara ini sebagai sebuah negara yang beradat istiadat yang dijelmakan sebahagiannya melalui *bahasa istana* atau *bahasa dalam* yang terpakai di negara ini.

Perkara tersebut ditekankan dalam Resolusi Seminar Sejarah Borneo Ketiga selama dua hari anjuran Pusat Sejarah Brunei (PSB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) yang ditutup rasmi malam ini.

Resolusi tersebut diserahkan kepada tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap KKBS, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar oleh Timbalan Pengetua PSB, Awang

Haji Karim bin Haji Abdul Rahman.

Juga ditegaskan dalam resolusi itu termasuk nilai-nilai budaya adat warisan harus dipelihara dan terpelihara kerana ia sudah menjadi *great tradition* dan *adiluhung* kebudayaan bangsa.

Resolusi itu juga menegaskan bagi mewujudkan semangat dan kesedaran yang sama tentang *bangsa Melayu* untuk membentuk kesatuan dalam kalangan sarjana, penyelidik dan peminat sejarah bagi menyelamatkan khazanah warisan sejarah *bangsa Melayu* daripada pupus atau hilang begitu sahaja.

Di samping itu, resolusi berkenaan juga menjelaskan mengenai penyelidikan dan pengkajian tentang sejarah warisan bangsa Melayu dan Kerajaan-kerajaan Melayu hendaklah diteruskan supaya ia (warisan bangsa Melayu) dapat dijelmakan sebagai khazanah dan *penyatu* bangsa Melayu.

Selain itu resolusi seminar tersebut juga menyatakan untuk mewujudkan jalinan rangkaian kerjasama penyelidikan dan pengumpulan bahan mengenai bangsa Melayu melalui pertukaran pakar dan penyelidik dari Negara Brunei Darussalam, Sabah, Sarawak, Kalimantan, Malaysia, Republik Singapura dan Sumatera, Republik Indonesia.

Ke muka 24

Hubungan Brunei - Viet Nam dihargai



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Truong Tan Sang dan Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Nguyen Tan Dung, sempena dengan Hari Kebangsaan Ke-67 Viet Nam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Truong Tan Sang dan Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Nguyen Tan Dung serta kerajaan dan rakyat Republik Sosialis Viet Nam sempena dengan Hari Kebangsaan Ke-68 Viet Nam.

Dalam titah perutusan kepada Presiden Republik Sosialis Viet Nam, TYT Truong Tan Sang, Kebawah Duli Yang Maha Mulia sangat menghargai talian persahabatan dan hubungan muhibah yang sudah lama terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Sosialis Viet Nam dan Kebawah DYMM berharap untuk meneruskan kerja dengan TYT Truong Tan Sang bagi mengukuhkan kerjasama yang bernilai itu sebagai jiran dan rakan kongsi rapat di rantau ini.

Pada mengakhiri titah perutusan kepada TYT Truong Tan Sang, baginda menyampaikan salam muhibah dan berharap semoga TYT akan terus berada dalam keadaan sihat walafiat serta kebahagiaan yang berterusan dan rakyat Republik Sosialis Viet Nam akan menikmati kesejahteraan dan kemakmuran.

Sementara itu, di dalam titah

perutusan baginda kepada Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam TYT Nguyen Tan Dung, baginda amat menghargai talian persahabatan dan kerjasama rapat yang sudah sekian lama dinikmati oleh kedua-dua buah negara dan rakyat masing-masing dan baginda seterusnya begitu menghargai sokongan yang bernilai yang diberikan oleh TYT Nguyen Tan Dung kepada Negara Brunei Darussalam sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun ini, yang mana baginda berharap untuk mengalu-alukan kedatangan TYT ke Negara Brunei Darussalam pada bulan depan bagi menghadiri mesyuarat-mesyuarat ASEAN.

Pada mengakhiri titah perutusan kepada TYT Nguyen Tan Dung, baginda menyampaikan salam muhibah kepada TYT dan berharap semoga TYT akan terus berada dalam keadaan sihat walafiat serta kebahagiaan dan Republik Sosialis Viet Nam akan menikmati kemajuan yang berterusan.

Sementara itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana

Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan juga menghantar perutusan yang sama kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Sosialis Viet Nam, TYT Pham Binh Minh.

Dalam perutusan itu Duli Yang Teramat Mulia dengan perasaan sukacita menghantar ucapan tahniah kepada TYT, kerajaan dan rakyat Republik Sosialis Viet Nam sempena sambutan Hari Kebangsaan negara tersebut.

DYTM juga melahirkan perasaan gembira bekerja bersama-sama TYT di tahun-tahun yang lepas dan sangat menghargai kerjasama berharga dan sokongan yang TYT berikan kepada Negara Brunei Darussalam sepanjang menjadi Pengerusi ASEAN.

Di akhir perutusan tersebut DYTM juga berharap untuk meneruskan perbincangan penting mengenai rantau ini dalam tempoh beberapa minggu dan bulan akan datang.

Brunei prihatin situasi di Syria

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Ogos. - Negara Brunei Darussalam sangat prihatin tentang situasi yang bertambah buruk di Syria.

Negara Brunei Darussalam menyertai komuniti antarabangsa dalam mengutuk penggunaan senjata kimia di Syria yang menyebabkan kehilangan nyawa masyarakat awam di negara tersebut.

Negara Brunei Darussalam menekankan kepentingan bagi memastikan keselamatan dan sekuriti masyarakat awam yang tidak bersalah di Syria.

Negara Brunei Darussalam juga menggariskan kepentingan bagi mencari resolusi keamanan terhadap krisis di negara itu.

DI DALAM



Muka 4

Berangkat menghadiri
Majlis Santap Malam

Pengurangan kuota rasmi bersifat sementara



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman berucap pada Majlis Kursus Amali Praktikal Ibadat Bagi Bakal Jemaah Haji Seluruh Negara Tahun 1434 Hijriah/2013 Masihi anjuran Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, berlangsung pada hari Ahad, 17 Syawal 1434H / 25 Ogos 2013M.

**Bismillahir Rahmannir Rahim
Assallamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh**

ALHAMDULILLAH, kita panjatkan syukur ke hadirat Ilahi dengan limpah dan rahmat-Nya jua kita dapat hadir ke Dewan Stadium Tertutup ini, bagi sama-sama menghadiri Majlis Kursus Amali Secara (Praktikal) Ibadat Haji Seluruh Negara Tahun 1434 Hijriah / 2013 Masihi.

Sebelum saya meneruskan ucapan ini, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-banyak ribuan terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kursus kerana telah berkesudian menjemput saya untuk hadir selaku tetamu kehormat majlis pada pagi ini.

Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada abiskita bakal-bakal jemaah haji yang ditakdirkan tersenarai dan terpilih sebagai *Duyuffur Rahman* iaitu Tetamu Allah Subhanahu Wata'ala untuk menunaikan ibadat haji ke Mekah bagi musim haji 1434H / 2013M.

Hadirin/hadirat yang saya hormati sekalian, seperti yang kita maklum pada musim haji tahun lepas 1433H/2012M, Kerajaan Arab Saudi telah menguatkan ketetapan kuota rasmi bagi negara kita sebanyak 400 orang sahaja (0.1 peratus dari keseluruhan penduduk) dengan penetapan ini banyak jemaah kita tidak dapat menunaikan fardu haji ke Mekah termasuklah abiskita yang terpilih pada tahun ini. Begitu juga pada tahun ini, sekali lagi kita dikejutkan dengan pengurangan kuota rasmi bagi negara kita menjadi 320 orang iaitu dikurangkan sebanyak 20 peratus. Kita dimaklumkan oleh Kerajaan Arab Saudi bahawa keputusan pengurangan kuota tersebut diambil oleh Kerajaan Arab Saudi adalah atas sebab-sebab keselamatan dan kesejahteraan memandangkan Kerajaan Arab Saudi sedang melaksanakan kerja-kerja menaik taraf dua

buah Masjid Suci iaitu Masjidilharam di Mekah Al-Mukarramah dan Masjid Nabawi di Madinah Al-Munawwarah secara besar-besaran, khususnya pembesaran tempat tawaf di sekeliling Kaabah.

Oleh itu dengan mengambil kira ketetapan pengurangan kuota yang tidak dijangkakan ini, maka sebahagian jemaah yang telah disenaraikan untuk menunaikan ibadah haji pada tahun 1434H/2013M terjejas dan tidak akan dapat menunaikan ibadah haji pada tahun ini. Pengurangan yang bersifat sementara ini bukan hanya dikenakan kepada negara kita, bahkan juga kepada negara-negara yang lain di seluruh dunia. Walau beberapa usaha dan perundingan telah dibuat, namun hasilnya tetap sama iaitu tiada respons positif dari Kerajaan Arab Saudi. Mahu atau tidak, kita adalah terpaksa menerima keadaan ini.

Ibadat haji merupakan Rukun Islam Kelima yang wajib dikerjakan ke atas setiap orang Islam yang mampu dan berkuasa sahaja.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali 'Imran ayat 97 :

Tafsir-Nya: "... Dan Allah mewajibkan ke atas manusia mengerjakan ibadat haji ke Baitullah iaitu bagi sesiapa yang mampu dan berkuasa sampai kepadanya ..."

Jadi ayat Al-Qur'an ini adalah juga mengenai sesiapa yang tidak dapat menunaikan haji atas sebab-sebab yang disebutkan di atas. Kita perlu bersabar menerima takdir ini, tentu ada hikmat yang besar di dalamnya. Dalam ayat-ayat yang lain Allah telah menyatakan bahawa Allah bersama-sama orang yang sabar, malah Allah menjanjikan Syurga kepada orang-orang sabar.

Alhamdulillah, apa yang saya difahamkan abiskita semua yang hadir ke Majlis Kursus Amali Ibadat Haji pada pagi ini telah pun selesai menamatkan kursus tentang ibadat haji secara teori selama 10 kali setiap hari Jumaat dan Ahad dan juga pernah menghadiri kursus pada tahun lepas. Pada pagi ini pula abiskita berpeluang untuk melakukan secara praktikal tentang bagaimana cara mengerjakan tawaf, saie', melontar jamrah, memakai ihram dan lain-lain. Jadi dengan adanya kursus yang abiskita hadir ini ianya serba sedikit dapat memberikan abiskita gambaran tentang bagaimana cara-cara mengerjakan ibadat haji nanti dan saya berharap kepada semua bakal-bakal jemaah haji akan sentiasa menelaah dan mengulang kaji serta mengingatkannya selalu apa yang sudah abiskita pelajari ini bagi membolehkan abiskita nanti dapat menunaikan ibadat haji dengan sempurna dan betul. Jika sekiranya ada kemusykilan atau permasalahan mengenai ibadat haji ini bolehlah abiskita bertanya kepada guru-guru pengkursus, pegawai-pegawai di Jabatan Urusan Haji dan orang-orang yang lebih arif mengenai ilmu tentang ibadat haji bagi mendapatkan penjelasan dan huraian yang lebih jelas dan tepat.

Kerana semakin mendalam kefahaman seseorang itu akan amalan-amalan dalam ibadah haji, maka semakin tinggilah darjah kesempurnaannya untuk mencapai dan mendapat *tittle* kepada haji yang *mabrur* suatu ganjaran yang paling bernilai dan tinggi di sisi Allah Subhanahu Wata'ala iaitu Syurga, seperti mana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam :

Ertinya: "*Haji Mabrur itu tiadalah balasan nya melainkan Syurga.*"

Ini bermakna orang yang mendapat haji mabrur itu akan menikmati kesenangan yang abadi di Hari Akhirat. Sudah tentu setiap orang yang beriman inginkan kesenangan dan kebahagiaan

di Akhirat. Salah satu cara untuk mendapatnya ialah dengan menyempurnakan ibadah haji.

Di samping berbekalkan ilmu pengetahuan yang telah dipelajari itu, para bakal jemaah haji perlu juga mempersiapkan diri secara rohani dan jasmani dalam abiskita mengerjakan dan melakukan pekerjaan-pekerjaan ibadat haji itu nanti. Sentiasa bersabar dalam melaksanakan pekerjaan-pekerjaan tersebut semasa berada di Tanah Suci nanti adalah faktor utama bagi kita mencapai kesempurnaan peribadatan kita. Oleh itu, sentiasalah tanamkan dan ingat dalam sanubari kita mengenai perkara ini.

Sudah menjadi kelaziman, setiap tahun umat Islam dari seluruh pelusuk dunia akan datang untuk menunaikan fardu haji ke Tanah Suci. Kita akan melihat keadaan dan suasana manusia yang sangat ramai akan berada di sana nanti. Oleh itu, aspek keselamatan amat penting diambil perhatian oleh para bakal jemaah haji semua. Antaranya bakal-bakal haji perlulah memakai gelang tangan dan lencana yang dibekalkan kepada abis kita kerana ia berfungsi sebagai dokumen pengenalan diri semasa berada di Tanah Suci.

Bagi kesejahteraan para bakal jemaah haji semasa berada di Tanah Suci nanti, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah melantik Pegawai Haji (Bi'thah Haji) Pentadbiran, Perubatan terdiri daripada doktor-doktor dan jururawat-jururawat yang terlatih. Semua ini adalah bertujuan supaya bakal-bakal jemaah haji akan dapat menjalankan ibadat haji dengan baik dan terjamin keselamatan serta kesihatan sama ada di Mekah, Madinah, Arafah, Mina dan sehinggalah bakal-bakal haji balik ke Negara Brunei Darussalam nanti.

Jadi di kesempatan ini, saya ingin menyeru dan menasihati kepada bakal-bakal haji supaya sentiasa mematuhi peraturan-peraturan dan arahan-arahan yang dikeluarkan oleh pegawai-pegawai Haji (Bi'thah Haji) Pentadbiran dan juga (Bi'thah Haji) perubatan dan juga Kerajaan Arab Saudi, tujuannya ialah bagi memudahkan dan memberi kelancaran kepada perjalanan ibadat haji semasa musim haji.

Saya juga sukacita ingin mengingatkan kepada bakal-bakal jemaah haji supaya sentiasa menjaga kesihatan masing-masing kerana abiskita akan mengalami perubahan cuaca semasa berada di Tanah Suci nanti dan diharapkan abiskita akan dapat mengikuti nasihat-nasihat dan panduan-panduan dari pegawai-pegawai perubatan yang dilantik, ini adalah bagi kebaikan abiskita dalam melaksanakan ibadat haji dengan sempurna.

Untuk akhirnya saya ingin merakamkan penghargaan dan tahniah kepada Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama kerana dapat mengendalikan Kursus Amali ini. Mudah-mudahan niat dan usaha yang baik ini akan dapat membantu bakal-bakal jemaah haji negara ini melaksanakan ibadah haji dengan sempurna dan didoakan semoga diberikan kesihatan, dipermudahkan urusan dalam melaksanakan ibadah haji dengan lancar dan sempurna dan akan meraih Haji Mabrur. *Aamiin Yaa Rabbal'alamiin.*

Maka dengan lafaz kalimah : *Bismillahir Rahmanir Rahim, Allah Huma Salli 'Alaa Saiyyidina Muhammad Wa'alaa 'Alihi Saiyyidina Muhammad.*

Saya dengan sukacita merasmikan 'Kursus Amali (Praktikal) Ibadat Haji Bagi Bakal Jemaah Haji Seluruh Negara Tahun 1434H / 2013M.'

Dari Sidang
Pengarang.

2 SEPTEMBER 2013 BERSAMAAN 25 شوال

BRUNEI TERUS ERATKAN HUBUNGAN KERJASAMA ASEAN-CHINA

NEGARA Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China mempunyai hubungan persahabatan tradisi yang sekian lama terjalin dan telah dikukuhkan lagi dengan termeterainya hubungan diplomatik pada tahun 1991. Melalui persahabatan yang terus berkembang ini, kerjasama kedua-dua buah negara dalam pelbagai bidang telah mencapai kemajuan yang membuahkan hasil serta faedah kepada rakyat masing-masing, selain daripada itu ia menyumbangkan kepada keamanan, kestabilan dan kemakmuran di rantau ini.

Peristiwa penting dalam sejarah hubungan kedua-dua buah negara telah banyak dicatat antaranya pada tahun 2000, Republik Rakyat China mengimport minyak mentah dari Negara Brunei Darussalam yang membawa jumlah perniagaan dua hala telah berkembang dan meningkat. Dalam pada tahun yang sama Negara Brunei Darussalam dengan China juga menandatangani Perjanjian Menggalakkan dan Melindungi Pelaburan Dua Hala dan Memorandum Persefahaman Pelancongan Warga China ke Negara Brunei Darussalam. Juga termeterainya pada bulan Mei 2008 kedua-dua buah negara buat kali pertamanya telah mengadakan perbincangan ekonomi dan perdagangan.

Sejak Republik Rakyat China menjadi Rakan Dialog ASEAN pada tahun 1991, lebih 20 bidang kerjasama telah dimeterai. Ini adalah melalui Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Luar ASEAN-China (Special ASEAN-China Foreign Ministers' Meeting) yang memberikan manfaat bagi mengukuhkan dan meningkatkan lagi hubungan kerjasama dua hala di antara negara-negara ASEAN dan juga China.

Dalam pada itu ASEAN-China telah pun bekerja bersama-sama menjalin hubungan sejak 20 tahun yang lalu dan kini tempoh 11 tahun perkongsian itu telah memberikan usaha dalam tumpuan, arahan dan bahan. Kedua-dua buah rantau tersebut merangkumi pelaburan dan perdagangan, ekonomi, kewangan, infrastruktur dan tanggungjawab penuh rangkaian budaya dan sosial kepada masyarakat, pendidikan, kesihatan, pertanian, tenaga dan peluang pekerjaan.

ASEAN-China mempunyai potensi yang besar dalam pembangunan dan ruang yang luas untuk bekerjasama dan dalam menghadapi krisis kewangan antarabangsa adalah penting bagi kedua-dua pihak untuk meningkatkan kerjasama dan pertukaran, bersama-sama saling mempercayai serta menyahut cabaran memperkaya perkongsian strategik. Ini bertujuan menambah kemajuan ASEAN-China dalam meningkatkan lagi kerjasama dan penyelarasan serta menjadikan setiap persiapan dalam menghadapi Ekspo ASEAN-China dan Sidang Kemuncak ASEAN-China Ke-16 yang akan datang beroleh kejayaan.

Selain daripada itu bagi mempercepatkan lagi integrasi ekonomi serantau adalah perlu membuka pasaran ASEAN-China yang lebih luas antara satu sama lain dan malah ia akan meningkatkan tahap liberalisasi pelaburan dan perdagangan serta memudahkan dalam meningkatkan kawasan perdagangan bebas ASEAN-China dan bekerjasama untuk memajukan rundingan mengenai Perkongsian Ekonomi Serantau (RCEP) yang meluas.

Perkembangan positif di antara Negara Brunei Darussalam dan Negara-negara ASEAN dan juga China semakin erat sehingga kini. Ini dapat disaksikan melalui pelbagai usaha ke arah pencapaian bersama dari segi perkongsian kerjasama yang terbuka dan mengagumkan di rantau sini. - **Ketua Penyuntingan.**

SIDANG PENGARANG

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Haji Aliddin Haji Moktal,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraishah Muhammad,
Aryenty Haji Ariffin

Ketua Penyuntingan

Ali Termizzi Haji Ramlli / Haji Ramli,
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Samle Haji Jait

Penyemakan

Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Siti Noorzaimah Haji Nooralli

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Haji Sahari Akim,
Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Zawiyatun Ni'mah Mohd. Akir

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

**PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**
140

ELEKTRIK
144

NDMC
2380214

Ramalan Cuaca Tiga Hari		
ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
33°C	25°C	33°C
MUARA		
33°C	24°C	34°C
PEKAN BANGAR		
32°C	24°C	32°C
PEKAN TUTONG		
32°C	24°C	32°C
PEKAN SERIA		
34°C	24°C	34°C
KUALA BELAIT		
34°C	24°C	34°C
Wahaiham Binaswab		
Sumber : Perkhidmatan Kaji-cuaca Brunei Darussalam Jabatan Perkhidmatan Awam Telefon : 2330142 sambungan 1888/1951 atau Talian Cuaca : 114		

Berkenan mengadakan perbincangan dua hala



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan bersalaman mesra bersama Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Demokratik Rakyat Korea, Tuan Yang Terutama Pak Ui Chun (kiri), sejurus sebelum mengadakan perbincangan (kanan). Berangkat sama semasa perbincangan tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mansurah Izzul Bolkiah.

Laporan : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar
dari Pyongyang, Republik Demokratik Rakyat Korea

PYONGYANG, REPUBLIK KOREA, Sabtu, 31 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan mengadakan perbincangan dengan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Demokratik Rakyat Korea, Tuan Yang Terutama Pak

Ui Chun, berlangsung di Dewan Perhimpunan Mansudae, di sini. Berangkat sama mengiringi Duli Yang Teramat Mulia ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mansurah Izzul Bolkiah. Semasa pertemuan tersebut DYT dan Tuan Yang Terutama membincangkan perkara-perkara hubungan dua hala dan kerjasama serantau. Negara Brunei Darussalam dan Republik Demokratik Rakyat Korea menjalin hubungan diplomatik sejak

tahun 1999 dan sejak detik itu, hubungan berkenaan terus berkembang dan diperkukuhkan. Dengan terjalannya hubungan tersebut, pelbagai kerjasama akan dimeterai diikuti lagi dengan pertukaran lawatan pada peringkat tertinggi sama ada dari pihak pemimpin, menteri, pegawai kanan kerajaan dan masyarakat bagi kedua-dua buah negara berkenaan. Sebelumnya, TYT Pak Ui Chun pernah membuat lawatan ke Negara Brunei Darussalam untuk lawatan rasmi selama tiga hari dari 1 hingga 3 Julai 2013 dan seterusnya menghadiri Forum Serantau ASEAN Ke-20 yang telah berlangsung pada 2 Julai lalu.



DULI Yang Teramat Mulia dan YAM Pengiran Anak Mansurah Izzul Bolkiah ketika mengadakan perbincangan bersama TYT Pak Ui Chun.

Lawatan ke tempat menarik di Pyongyang

Laporan : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar
dari Pyongyang, Republik Demokratik Rakyat Korea

PYONGYANG, REPUBLIK KOREA, Sabtu, 31 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka



DULI Yang Teramat Mulia berkenan meletakkan jambangan bunga ke Tugu Peringatan 'The Victorious Fatherland Liberation War Museum'.

Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat mengunjungi ke beberapa buah tempat menarik dan penuh sejarah di Pyongyang, hari ini.

Hadir bagi mengiringi lawatan ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Demokratik Rakyat Korea, Tuan Yang Terutama Pak Kil Yon.

Pada sebelah pagi, Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri dijunjung ke Kumsusan Palace of The Sun iaitu tempat persemadian bekas Presiden Republik Demokratik Rakyat Korea, Kim Il Sung dan Kim Jong Il.

Pada sebelah petang pula, DYT dan YTM dijunjung melawat ke Rungna People's Pleasure Park and Dolphinarium untuk menyaksikan persembahan akuatik dan ikan lumba-lumba.

Keberangkatan tiba DYT dan YTM dijunjung oleh Pengarah Am 'Asia and Oceania Department', Ryom Choi Jun.

DYT dan YTM juga mengunjungi The Victorious Fatherland Liberation War Museum iaitu sebuah muzium dibina pada tahun 1953 yang memperlihatkan kejayaan bekas Presiden Kim Il Sung yang telah mengetuai Peperangan Korea sehingga meraih kemenangan dan mempamerkan senjata-senjata musuh yang telah dirampas ketika peperangan berlaku.

Keberangkatan tiba di Stadium May Day, DYT dan YTM berkenan menyaksikan persembahan 'Grand Mass Gymnastics and Artistic Performance (Arirang)' telah



DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menyaksikan persembahan 'Grand Mass Gymnastics and Artistic Performance (Arirang)' di Stadium May Day bersama Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Demokratik Rakyat Korea, TYT Pak Ui Chun.



DYTM dan YTM berkenan melawat 'Rungna People's Pleasure Park and Dolphinarium' untuk menyaksikan persembahan akuatik dan ikan lumba-lumba.

dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Demokratik Rakyat Korea, Tuan Yang Terutama Pak Ui Chun.

Turut serta dalam lawatan rasmi berkenaan ialah Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik

Rakyat China, Puan Yang Terutama Datin Paduka Magdalene Teo Chee Siong dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Dato Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yussof.



DYTM dan YTM berkenan mengunjungi 'Kumsusan Palace of The Sun' iaitu tempat persemadian bekas Presiden Republik Demokratik Rakyat Korea, Kim Il Sung dan Kim Jong Il.

Berangkat menghadiri Majlis Santap Malam



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan ketika bersabda pada Majlis Santap Malam yang disempahkan oleh Timbalan Presiden 'Presidium of the Supreme People's Assembly of the Democratic People's Republic of Korea', Tuan Yang Terutama Yang Hyong Sop berlangsung di Mansudae Assembly Hall.

Laporan : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar
dari Pyongyang, Republik Demokratik Rakyat Korea

PYONGYANG, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT KOREA, Jumaat, 30 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam telah berangkat menghadiri Majlis Santap Malam yang disempahkan oleh Timbalan Presiden 'Presidium of the Supreme People's Assembly of the Democratic People's Republic of Korea', Tuan Yang Terutama Yang Hyong Sop berlangsung di Mansudae Assembly Hall.

Berangkat sama ke Majlis Santap Malam tersebut ialah, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hajah Ruqiah Mataul Bulqiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mansurah Izzul Bolkiah.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Demokratik Rakyat Korea, Tuan Yang Terutama Pak Kil Yon, Duta Besar dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat China, Puan Yang Terutama Datin Paduka Magdalene Teo Chee Siong dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Negara Brunei



DULI Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam telah berangkat menghadiri Majlis Santap Malam yang disempahkan oleh Timbalan Presiden 'Presidium of the Supreme People's Assembly of the Democratic People's Republic of Korea', Tuan Yang Terutama Yang Hyong Sop berlangsung di Mansudae Assembly Hall.

Darussalam, Dato Paduka Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yussof.

Duli Yang Teramat Mulia pada majlis itu bersabda melahirkan penghargaan kepada kerajaan dan rakyat Republik Demokratik Rakyat Korea di atas undangan rasmi dan sambutan baik yang telah diberikan semasa ketibaan di Pyongyang.

Manakala dalam ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Tuan Yang Terutama, beliau melahirkan penghargaan ke atas lawatan DYT dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri ke Republik Demokratik Rakyat Korea dan seterusnya menekankan kepentingan hubungan persahabatan mesra yang terjalin di antara kedua-dua buah negara.



BERANGKAT sama ke Majlis Santap Malam ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hajah Ruqiah Mataul Bulqiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Mansurah Izzul Bolkiah.



Berangkat tiba di Pyongyang, Republik Demokratik Rakyat Korea

PYONGYANG, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT KOREA, Jumaat, 30 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berangkat tiba di Pyongyang, Republik Demokratik Rakyat Korea bagi mengadakan lawatan rasmi selama empat hari ke republik tersebut.

Berangkat sama dalam lawatan itu ialah, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hajah Ruqiah Mataul Bulqiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mansurah Izzul Bolkiah.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Pyongyang International Airport dijunjung oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Demokratik Rakyat Korea, Tuan Yang Terutama Pak Kil

Yon dan pegawai-pegawai kanan kerajaan republik berkenaan.

Juga hadir di lapangan terbang bagi menjunjung keberangkatan tiba ialah Duta Besar dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat China, Puan Yang Terutama Datin Paduka Magdalene Teo Chee Siong dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Negara Brunei Darussalam, Dato Paduka Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yussof.

Sejurus ketibaan, DYT, YTM Pengiran Anak Isteri, YAM Pengiran Anak Hajah Ruqiah Mataul Bulqiah dan YAM Pengiran Anak Mansurah Izzul Bolkiah dijunjung untuk bergambar ramai.

Sementara keberangkatan tiba DYT di tempat persemayaman di Jangsuwon Guest House dialu-alukan oleh Pengurusnya, Kim Kwang Chol.

Sejak termeterainya hubungan diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Demokratik Rakyat Korea pada tahun 1999, hubungan kedua-dua negara semakin dipertingkatkan dan bertambah erat.



KEBERANGKATAN tiba Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia di Pyongyang International Airport dijunjung oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Demokratik Rakyat Korea, Tuan Yang Terutama Pak Kil Yon.

Sejarah guru, panduan sepanjang zaman

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 27 Ogos. - Sejarah adalah guru sepanjang zaman yang merupakan panduan serta rujukan yang paling tinggi nilainya kepada semua lapisan masyarakat, dan melalui sejarah dapat mempelajari pelbagai ilmu pengetahuan yang terkandung di dalamnya antaranya ilmu keagamaan, salasilah keturunan, budaya, politik, perekonomian dan sebagainya.

Dari itu iktibar dan tasmil ibarat yang berlaku dalam setiap peristiwa sejarah juga boleh dijadikan sebagai bahan pengajaran untuk semua lapisan masyarakat khususnya kepada para belia di Negara Brunei Darussalam.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menyatakan demikian ketika merasmikan Seminar Sejarah Borneo Ke-3, 2013 yang berlangsung di Pusat Sejarah Brunei, di sini.

Sejarah mempunyai peranan yang sangat penting, jelas Yang Berhormat, dalam kehidupan kita seharian mahupun pada setiap individu dan juga kepada pembangunan negara bangsa.

Ini memandangkan kefahaman masyarakat dan generasi terhadap sejarah dapat mengukuhkan penghayatan seseorang individu ke atas elemen-elemen kenegaraan dan institusi kemasyarakatan yang perlu dipertahankan dalam menempuh arus perubahan dan pembangunan yang terus berlangsung di sekeliling kita bagi mencapai kejayaan dan kemajuan pada masa akan datang.

Selain mengenal dan mendalami kefahaman terhadap sejarah, terang Yang Berhormat, kita juga perlu melihat ke hadapan untuk menyebar-

kan dan menyerapkannya kepada semua lapisan masyarakat, melalui langkah sebegini masyarakat akan terdedah dan mengetahui sejarah negara bangsanya dan sekali gus memupuk semangat berbangsa dan bernegara.

“Seperti yang kita maklum pada masa kini sejarah sudah dipandang kurang penting oleh golongan generasi masa kini khususnya para belia. Ini adalah sesuatu yang membimbangkan dalam era globalisasi kerana bangsa atau generasi yang tidak mengetahui sejarah negara bangsanya adalah bangsa yang sudah kehilangan harga dan identiti diri dan menjadikan mereka lemah jati diri dan mudah dimanipulasikan oleh kuasa dan unsur-unsur luaran,” ujar Yang Berhormat.

Untuk mengelakkan fenomena sebegini dari terus berpanjangan, Yang Berhormat menyarankan agar langkah-langkah untuk menjadikan masyarakat dan generasi belia celik dan memahami liku-liku sejarah negara dan bangsa perlu dilaksanakan agar sejarah itu dapat diserapkan dan dimasyakatkan dalam semua lapisan masyarakat terutama ke atas generasi baru khususnya golongan belia.

Pengetahuan sejarah, tambah Yang Berhormat, mempunyai nilai yang tinggi kepada generasi masa kini yang antara lain dapat memberikan peringatan kepada generasi sekarang dan yang akan datang mengenai maruah bangsa yang perlu dipertahankan, selain sejarah juga memberikan panduan dan iktibar kepada generasi sekarang dan akan datang untuk mencapai kejayaan yang lebih gemilang dan mengajar kita untuk menghindari kesilapan-kesilapan yang telah berlaku.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah hadir pada Majlis Pembukaan Rasmi Seminar Sejarah Borneo Ke-3.

Seminar sebegini merupakan satu tindakan yang bijak untuk menyampaikan dan menyerapkan sejarah dalam jumlah sekala yang besar kerana yang terlibat mengikutnya adalah terdiri dari semua lapisan masyarakat malahan seminar ini juga dapat menarik perhatian masyarakat untuk mengetahui dan membuat pengkajian yang lebih mendalam dan terperinci ke atas persejaraan di Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, seminar seumpama ini juga dapat mendorong kita untuk membuat hubungan pengajian dengan pengkaji-pengkaji dan pakar-pakar sejarah dari luar negara agar kita sentiasa terdedah dengan metod dan informasi yang terkini mengenai sejarah di negara kita dan di luar negara.

Seminar sejarah juga merupakan satu platform untuk memperolehi dan mengumpul bahan-bahan sejarah negara bangsa terutama sekali ke atas bahan-bahan sejarah dari luar negara yang sukar diperolehi dan sama sekali tidak pernah diketahui.

Maka dengan itu Yang Berhormat berharap dan menyarankan agar

Pusat Sejarah Brunei (PSB) akan dapat mengumpulkan dan membukukan kesemua bahan-bahan yang dibentangkan dalam seminar ini supaya ianya dapat dijadikan rujukan oleh masyarakat, penggemar sejarah dan juga para pengkaji sejarah dalam negara mahupun luar negara.

Selain daripada itu, PSB juga perlu terus memikirkan strategi-strategi yang berkesan dalam membuat kaedah-kaedah baru sebagai tarikan dan pendekatan yang bersesuaian dengan keperluan dan kehendak masyarakat.

Antara lain agar Pusat Sejarah Brunei dapat memanfaatkan kemajuan-kemajuan sains dan teknologi serta ledakan teknologi maklumat masa kini dalam membuat pengkajian-pengkajian sejarah negara kerana kedua-dua elemen ini sangat membantu untuk mendapatkan penemuan-penemuan yang lebih reliabel dan berkualiti.

Seminar yang bertemakan 'Kerajaan-Kerajaan Melayu dan Hubungannya dengan Kesultanan Brunei' memfokuskan kepada sejarah awal Kerajaan-kerajaan Melayu Nusantara, Ketamadunan dan

Kegemilangan Kerajaan-kerajaan Melayu serta Kelangsungan dan Cabaran Masa Kini yang besar kemungkinan mempunyai pengaruh dalam menunjangi jalinan hubungan negara-negara serantau dalam bentuk kerjasama kebudayaan, sosial, perdagangan, pelaburan dan perekonomian yang mendatangkan banyak manfaat bersama.

Pada seminar tersebut sebanyak 40 buah kertas kerja akan dibentangkan dalam seminar yang menjurus kepada penghuraian, analisa dan pengkajian persejaraan kerajaan-kerajaan Melayu di Nusantara yang akan dibentangkan oleh 40 orang sejarawan, ahli akademik, pengkaji budaya Melayu, arkeologi, manuskrip dari Negara Brunei Darussalam, Malaysia, Republik Singapura, Borneo dan Republik Indonesia (Sumatera).

Manakala, seramai 200 orang peserta telah mendaftar untuk mengikuti seminar tersebut yang terdiri daripada para pegawai dan kakitangan kerajaan, guru-guru, mahasiswa mahasiswi, persatuan-persatuan, peminat-peminat dan penyelidik-penyelidik sejarah dari dalam dan luar negara.

Makluman :

Permohonan berjaja sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 Ogos. - Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan ketika ini membukakan permohonan bagi mendapatkan ruang/gerai berjaja sempena Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-67 Tahun bagi tahun 2013 yang bermula pada 15 sehingga 30 September 2013 bertempat di kawasan Letak Kereta, Jalan Bendahara.

Permohonan hanya dibukakan khusus kepada warga negara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang bermastautin di Daerah Brunei Muara sahaja iaitu berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak memegang sebarang jawatan sama ada dengan Kerajaan Kebawah DYMM ataupun sektor swasta.

Oleh itu, bayaran bagi borang permohonan adalah sebanyak BND2 dan pembelian borang berkenaan bolehlah dibuat di Kaunter Tingkat 3, Bahagian Kewangan, Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri bermula 28 Ogos 2013 dan tarikh tutup pengambilan serta penghantaran borang tersebut adalah pada hari Sabtu, 7 September 2013, pukul 10.30 pagi.

Setiap borang yang lengkap berserta resit bayaran hendaklah dikembalikan tidak lewat pada tarikh tutup berkenaan di Tingkat 1, Unit Pengurusan Aset, Jalan Perdana Menteri dan pengundian akan diadakan pada tarikh dan waktu yang akan dimaklumkan kemudian.

Sehubungan itu, sewa bagi petak jualan adalah seperti berikut iaitu Kategori A : Gerai Makan dan Minum sebanyak BND1,500 untuk harga minimum tawaran (harga tertinggi); Kategori B : Gerai Takeaway sebanyak BND350 (pengundian); Kategori C : Gerai Salai-Salaian sebanyak BND350 (pengundian); Kategori D : Gerai Pakaian dan Runcit sebanyak BND540 (pengundian) dan Kategori E : Buah-Buahan dan Sayur-Sayuran sebanyak BND350 (pengundian).

Oleh : Aryentty Haji Ariffin

Foto : Hernie Suliana
Haji Othman

TUTONG, Selasa, 27 Ogos. - Bendera adalah lambang identiti sesebuah negara dan sesuatu bangsa, lambang kesepakatan dan perpaduan sesuatu bangsa yang mempunyai kemuliaan, keagungan dan martabatnya yang tersendiri yang perlu mendapat pengiktirafan dan penghormatan oleh setiap bangsa dan negara-negara di dunia.

Menyanyikan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan menaik-kibarkan Bendera Negara Brunei Darussalam adalah pendidikan awal para pelajar ke arah menimbulkan semangat kenegaraan dan kesedaran hidup berbangsa, beragama dan bernegara.

Ke arah meningkatkan keberkesanan para pelajar memahami dan menghayati mesej di sebalik Lagu Kebangsaan yang dinyanyikan dan Bendera Negara yang dinaik-kibarkan itu, Jabatan Penerangan melalui Jabatan Penerangan, Cawangan Tutong mengadakan Program Taklimat Kenegaraan iaitu 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' Sekolah-Sekolah Rendah Kerajaan dan Swasta Peringkat Daerah Tutong bertempat di Sekolah Rendah Bukit Udal, Tutong yang telah dihadiri oleh seramai lebih kurang 60 orang murid Tahun 4, 5 dan Tahun 6.



TAKLIMAT Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' bagi Sekolah Rendah Bukit Udal disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad.

Program rintis tersebut adalah sebagai usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai semangat patriotisme pelajar-pelajar untuk menghormati serta menjiwai Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara dan akan dilaratkan ke seluruh sekolah-sekolah rendah di kesemua daerah.

Tujuan program itu diadakan adalah untuk meningkatkan kefahaman dan untuk menanam semangat patriotik kepada para pelajar mengenai bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Taklimat mengenai Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara Brunei Darussalam telah disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad.

Dalam taklimat itu beliau antara lain menjelaskan dengan lebih terperinci

mengenai definisi dan tatacara menaik-kibarkan Bendera Negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'.

Para pelajar juga berpeluang menyaksikan tayangan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara.' Para pelajar juga diuji dengan menyertai kuiz dan pelbagai aktiviti kenegaraan.

Hadir sebagai Tetamu Kehormat pada majlis tersebut ialah Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar,

Hadir sama ialah Guru Besar sekolah berkenaan, Dayang Shetela binti Tawang dan Ketua Penerangan, Cawangan Tutong, Dayang Noriah binti Haji Abd. Hamid, guru-guru sekolah serta pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

167 murid sertai Majlis Khatam Al-Qur'an



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Ustaz Awang Haji Harun bin Haji Junid menyampaikan sijil kepada seorang pelajar yang khatam Al-Qur'an.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

SERUSOP, Isnin, 26 Ogos. - Seramai 167 murid Darjah VI (sesi pagi dan petang) Tahun 1434 Hijriah / 2013 Masihi Sekolah Ugama Pengiran Anak

Puteri Mutawakillah Hayatul Bolkiah, Kampung Serusop, menyertai Majlis Khatam Al-Qur'an.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh tetamu kehormat majlis Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Harun bin Haji Junid diikuti bacaan ayat-ayat lazim bermula dari Surah Adh Dhuhaa hingga Surah Al-Masad oleh peserta-peserta khatam.

Antara matlamat majlis tersebut ialah memupuk semangat murid-murid di negara ini agar sentiasa mencintai dan menghayati Al-Qur'an, selain melatih mereka agar lebih berusaha bagi mendapatkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala, di samping memberikan galakan agar lebih berusaha supaya mendapat kecemerlangan di masa akan datang.

Selain itu ia juga diharap dapat mengeratkan kerjasama dan perpaduan di antara ibu bapa, guru-guru dan murid-murid dalam sama-sama mengukayakan majlis-majlis keagamaan di sekolah.

Murid, pelatih Pusat Bahagia diraikan



SALAH seorang murid di Pusat Bahagia Temburong tersenyum riang menerima sumbangan dari salah sebuah perusahaan pertanian di daerah tersebut yang disampaikan oleh Pengurus Stesen RTB Temburong, Awang Zainudin bin Haji Ahmad Zaini.

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Selasa, 27 Ogos. - Keceriaan jelas terpancar di wajah murid-murid dan pelatih-pelatih Pusat Bahagia Daerah Temburong semasa berlangsungnya Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang disambut setahun sekali ini.

Berlangsungnya Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang diadakan di Bangunan Pusat Bahagia, Pekan Bangar, di sini, murid-murid dan para pelatih yang mengikuti latihan dan bimbingan di pusat berkenaan kelihatan ceria dan gembira serta bergurau senda sesama mereka sambil menikmati juadah Hari Raya yang dihidangkan.

Sambutan juga dimeriahkan dengan kehadiran murid-murid dan pelatih-pelatih yang bukan beragama Islam yang mana ini menunjukkan bahawa mereka tetap saling bersatu padu di sebalik kekurangan yang mereka miliki.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyerahan sumbangan dari salah sebuah syarikat perusahaan pertanian di daerah ini, disampaikan oleh Pengurus Stesen RTB Temburong, Awang Zainudin bin Haji Ahmad Zaini.

Selain untuk meraikan ketibaan bulan Syawal, sambutan juga bertujuan untuk mengeratkan silaturahmi di antara murid dengan pelatih di Pusat Bahagia tersebut.

Ketika ini Pusat Bahagia Temburong, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan itu juga memberikan latihan dan bimbingan kepada murid-murid dan para pelatih yang berdaftar di pusat berkenaan selain melindungi dan memperkasa Orang Berkeperluan Khas (OKU).

SR Sultan Hassan johan Kuiz PSR

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abd Karim

TEMBURONG, Sabtu, 24 Ogos. - Sekolah Rendah Sultan Hassan muncul Johan Pertandingan Kuiz Penilaian Sekolah Rendah (PSR) tahun 1434H/2013M bagi Sekolah-Sekolah Rendah Daerah Temburong yang berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Puni, Mukim Bangar, di sini.

Tempat kedua dimenangi oleh Sekolah Rendah Puni, manakala Sekolah Rendah Piasau-Piasau di tempat ketiga.

Penyampaian hadiah-hadiah disempurnakan oleh Nazir Khas, Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah Cawangan Daerah Temburong, Dayang Hajah Saimon binti Haji Lahid.

Pertandingan yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Pemimpin-Pemimpin Sekolah Rendah (JAPSER) Daerah Temburong disertai oleh sebelas buah sekolah rendah di daerah ini merupakan inisiatif bagi membantu murid-murid meningkatkan keyakinan diri dalam menghadapi peperiksaan PSR.

Pertandingan dikendalikan oleh Sekolah Rendah Selangan, Sekolah Rendah Semabat, Sekolah Rendah Puni dan Sekolah Rendah Rataie itu antara lain bertujuan untuk mendedahkan murid-murid dengan format peperiksaan PSR selain menguji kecekapan mereka berfikir dalam masa yang singkat.

Melalui pertandingan seumpamanya diharap akan dapat mengembangkan keyakinan diri murid-murid dalam suasana pertandingan dan mendedahkan mereka dalam kemahiran literasi, numerasi, berfikir dan menyelesaikan masalah.



NAZIR Khas Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah cawangan Daerah Temburong, Dayang Hajah Saimon binti Haji Lahid menyampaikan hadiah kepada seorang murid dari Sekolah Rendah Sultan Hassan (Johan Pertandingan Kuiz PSR tahun 1434H/2013M).

Sesi kongsisama majukan subjek Matematik

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah
Pg. Haji Omaralli

SERIA, Jumaat, 23 Ogos. - Subjek Matematik merupakan salah satu mata pelajaran teras di dalam Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21) dan kebanyakan murid-murid menghadapi masalah untuk memahami konsep yang diajarkan.

Jika sekiranya murid-murid tidak dapat memahami konsep yang diajar, ia akan menjejaskan mereka menjawab soalan-soalan yang diberikan terutama sekali kepada murid-murid Tahun 6 yang akan menduduki peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) bulan Oktober nanti.

Setiausaha Jawatankuasa Pemimpin Sekolah-Sekolah Rendah Daerah Belait (JASPE), Dayang Hayati binti Haji Ismail, Guru Besar Sekolah Rendah Muhammad Alam Seria (SRMAS) menyatakan demikian pada Sesi Kongsisama Guru-Guru Matematik Sekolah-Sekolah Rendah Kerajaan Daerah Belait di Dewan Intan, Sekolah Rendah Pengiran Setia Negara Pengiran Mohd. Yusof (SRPSNPMY), di sini.

Dayang Hayati berharap dengan adanya sesi kongsisama tersebut akan dapat membantu guru-guru dengan strategi pengajaran subjek Matematik yang lebih berkesan bersama guru-guru yang sudah menyertai kursus



Guru-guru matematik Sekolah-Sekolah Rendah Kerajaan Daerah Belait menyertai Sesi Kongsisama Guru-Guru Matematik.

baru-baru ini di Sekolah Menengah Rimba II.

Seramai lapan orang guru-guru yang menyertai kursus pada sesi tersebut dilantik sebagai pemudah cara yang mana mereka mengongskan strategi kaedah pengajaran Matematik.

Guru-guru berkenaan dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu yang pertama mengongskan strategi kaedah pemaktoran dan kumpulan lainnya mengongskan strategi kaedah *substraction*.

Mereka mewakili daripada beberapa sekolah rendah termasuklah Sekolah Rendah Ahmad Tajuddin, Sekolah Rendah Kuala Belait, Sekolah Rendah PSB SOAS, Sekolah Rendah Panaga,

SRPSNPMY, SRMAS, Sekolah Rendah Lumut dan Sekolah Rendah Sungai Liang.

Sesi kongsi sama disertai oleh 70 orang guru Matematik, di samping penglibatan guru pendidikan khas yang mana pada sesi tersebut guru-guru berkenaan diberikan ujian dan sesi soal jawab.

Di anjurkan buat kali pertama oleh JASPE Akademik, sesi kongsisama antara lain bertujuan untuk mengaplikasikan strategi kaedah tambahan dalam memudahkan mata pelajaran Matematik yang diharap dapat membantu murid-murid dalam memahami konsep Matematik di dalam kelas masing-masing.

Kedudukan belia sangat tinggi dalam pandangan Islam

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Dk. Nurhafilah Pg. Osman



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman dan pengarah-pengarah serta pegawai-pegawai kanan dan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Masjid yang hadir pada majlis tersebut.

GADONG, Ahad, 25 Ogos. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman menyatakan dengan merujuk sebuah hadis bahawa kedudukan belia itu ialah selepas imam atau pemerintah yang adil.

Menurut Yang Berhormat, ini menunjukkan betapa tingginya kedudukan golongan belia itu dalam pandangan Islam.

“Beruntunglah para belia yang dalam meniti zaman belianya yang cenderung kepada ugama dan mentaati perintah Allah, di samping menjauhi larangan-larangannya,” jelas Yang Berhormat.

Menteri Hal Ehwal Ugama membuat kenyataan berkenaan pada Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri bagi Kumpulan Belia Masjid dan Pegawai-Pegawai Masjid Senegara sempena Hari Raya Aidilfitri berlangsung di kediaman Yang Berhormat, di sini.

Yang Berhormat menambah belia

seperti itulah yang akan menyelamatkan negara daripada akibat malapetaka yang ditimpakan Allah kepada masyarakat yang mungkar.

Jelasnya, malapetaka itu akan terhindar jika ada orang-orang yang berzikir di dalamnya termasuk para belia.

“Saya merasa gembira kerana belia-belia kita sudah mula menampilkan potensi yang terpendam dalam diri masing-masing, sudah mula berbicara, berforum, berpidato, menjadi imam, menjadi hafiz Al-Qur'an, pendakwah, menyumbang khidmat bakti kepada masyarakat, menjadi pegawai tinggi dan peniaga yang mana fenomena ini tidak kita lihat 20 atau 30 tahun dahulu,” ujar Yang Berhormat.

Tetapi menurutnya, kita juga melihat para belia yang suka melepak terlibat dengan dadah, terlibat gejala-gejala sosial yang negatif.

Menteri Hal Ehwal Ugama berseru kiranya para belia masjid dapat mendekati mereka kita percaya belia

yang rosak dan berpenyakit itu akan dapat dirawat dan disembuhkan oleh para belia yang sihat dan waras, kerana hanya para belia juga yang lebih mengetahui permasalahan yang dihadapi oleh rakan-rakan belianya.

Persembahan dikir Syarafil Anam oleh Kumpulan Belia Masjid Daerah Belait, persembahan Tausyeh oleh Kumpulan Masjid Daerah Tutong, Puisi Islam yang disampaikan oleh Awang Haji Md. Syahmi bin Haji Tuah dan lagu-lagu dakwah dari Kumpulan Belia Masjid Kampung Sungai Hanching.

Majlis seumpama itu sebagai satu usaha Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) dalam memeduli kepentingan dan keinginan para kumpulan belia senegara dengan harapan agar dapat merapatkan jurang antara para belia dengan pegawai-pegawai dan imam-imam masjid khususnya.

Antara yang hadir ialah Pengarah-Pengarah serta Pegawai-Pegawai Kanan dan kakitangan JHEM.

PBSM berpindah ke ibu pejabat baru

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 23 Ogos. - Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam, mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena berpindah ke ibu pejabat baru persatuan berkenaan di Blok 'C', Tingkat 3, Simpang 32-5, Bangunan Anggerek Desa, Berakas, di sini.

Majlis yang diadakan di Ibu Pejabat PBSM yang baru itu dihadiri oleh Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Mohammad, selaku tetamu kehormat majlis.

Terdahulu, majlis bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Ugama PBSM Kebangsaan, Awang Haji Shahminan bin Awang Haji Tengah, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Presiden PBSM Kebangsaan, Datin Hajah Siti Hajar binti POKSS Dato Paduka Haji Mohd. Yusoff.

Dalam majlis itu, tetamu kehormat juga menyempurnakan penyerahan anak kunci ibu pejabat baru persatuan itu kepada Presiden PBSM Kebangsaan.

Majlis dihadiri oleh Ahli-ahli Majlis Kebangsaan persatuan berkenaan.

PBSM Negara Brunei Darussalam ditubuhkan pada tahun 1948 dengan dikenali sebagai Persatuan Palang Merah Negeri

Brunei (PPMNB).

Dengan diasaskan oleh Al-Marhum Pengiran Temenggong Sahibul Bahar bin Pengiran Haji Mohammed, penubuhan persatuan berkenaan adalah bagi menyokong salah satu keputusan Persidangan Perubatan di Cannes, Perancis yang bersidang pada 5 Mei 1918 dan menyeru agar lebih banyak Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah ditubuhkan di seluruh dunia.

PPMNB telah diiktiraf di dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 yang mana pada tahun 1977, ianya diterima menjadi ahli yang ke-170 di Persekutuan Antarabangsa Palang Merah dan Bulan Sabit Merah (IFRC).

Setelah berada di bawah seliaan Persatuan Palang Merah British (British Red Cross Society) sehingga tahun 1984, PBSM terpisah dari seliaan Palang Merah British setelah Negara Brunei Darussalam merdeka daripada naungan British dan pada tahun 1991.

Persatuan berkenaan didaftarkan secara rasmi di bawah Seksyen 83 (3) Akta Pertubuhan-Pertubuhan sebagai sebuah bantuan sukarela yang tertakluk di bawah syarat-syarat Konvensyen Geneva.

Pada 6 November 1996, PBSM diterima sebagai ahli yang ke-170 dalam Jawatankuasa Antarabangsa Palang / Bulan Sabit Merah (ICRC).

Warga KHEU sertai Majlis Khatam Al-Qur'an 67 Kali



HADIR selaku tetamu kehormat majlis mengepalai warga KHEU bahagian kumpulan lelaki ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Ogos. - Seramai 2,010 warga Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah mengambil bahagian dalam Majlis Khatam Al-Qur'an 67 Kali yang mana setiap kumpulan telah membaca 30 juzuk Al-Qur'an terdiri daripada 43 kumpulan lelaki dan 24 kumpulan wanita.

Sehubungan itu, warga KHEU mengadakan Majlis Khatam Al-Qur'an

67 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-67, yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassaniil Bolkiah, Kampung Kiarong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis seterusnya mengepalai warga KHEU bahagian kumpulan lelaki ialah

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

Sementara mengepalai bahagian kumpulan wanita pula ialah Isteri Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Alimah binti Mohd. Taib.

Majlis telah dimulakan dengan bacaan Al-Qur'an secara halaqah seterusnya Majlis Khatam Al-Qur'an dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah yang dikepalai oleh tetamu kehormat majlis.

Sementara itu, bacaan takhtim telah dibacakan oleh Pegawai-pegawai Hal Ehwal Masjid dan Doa Khatam dibacakan oleh Mudim Haji Tamin bin Haji Puting.

Majlis seterusnya diserikan dengan Dikir Marhaban yang dibawakan oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Pengajian Islam dan bacaan Doa Khas dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat.

Majlis Khatam Al-Qur'an 67 Kali tersebut adalah sebagai sumbangan khas yang ikhlas ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar baginda, negara dan segala isi di dalamnya sentiasa dalam keberkatan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.



MENGEPALAI bahagian kumpulan wanita ialah isteri Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Alimah binti Mohd. Taib.



PEMANGKU Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Mohammad (dua dari kiri) hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Rumah Terbuka eratkan perpaduan, kemesraan

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Selasa, 13 Ogos. - Mengadakan Majlis Rumah Terbuka pada sepanjang bulan Syawal ini sudah menjadi satu kebiasaan umat Islam yang meraikan Aidilfitri di negara ini mengikut keupayaan masing-masing.

Tidak ketinggalan mengadakan majlis seumpamanya ialah Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah, berlangung di kediaman rasmi Pegawai Daerah Temburong, Pekan Bangar, di sini.

Majlis Rumah Terbuka Pemangku Pegawai Daerah

Temburong dimeriahkan dengan kehadiran para penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, ketua-ketua cawangan, ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung serta para penduduk di daerah ini, di samping para pengusaha dan orang ramai.

Pada majlis tersebut terpapar kemesraan antara Awang Haji Abdul Hamid dan keluarga bersama mereka yang hadir yang mana beliau berpeluang bersalam-salaman serta beramah mesra dengan para tetamu, manakala kanak-kanak yang hadir pula dihulurkan sampul berisi 'duit raya'.

Beraneka jenis hidangan lazat sebagai penjamu selera juga dihidangkan khusus untuk mereka yang hadir dalam majlis rumah terbuka ini.

Rumah terbuka sempena Aidilfitri ini diharap akan dapat mengeratkan lagi silaturahmi dan perpaduan dalam kalangan pemimpin akar umbi dan penduduk di daerah ini, di samping menyemarakkan bulan Syawal.

PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah semasa melayan para tetamu yang hadir pada Majlis Rumah Terbuka di kediaman rasmi Pegawai Daerah Temburong.



Kunjungan Hari Raya pengikat silaturahmi

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

LUMUT, Sabtu, 24 Ogos. - Hari Raya Aidilfitri tidak akan lengkap tanpa kunjung-mengunjungi dan ziarah-menziarahi serta waktu seumpama ini aalah peluang keemasan digunakan untuk memohon kemaafan antara satu dengan yang lain.

Sehubungan itu, seramai 30 anggota pangkat rendah dan seorang pegawai Pasukan Polis Diraja Simpanan 'A' Kompeni diketuai oleh Pemangku Pegawai Memerintah Pasukan Simpanan 'A' Kompeni, Chief

Inspektor Burhan bin Abang mengadakan aktiviti lawatan sambil berziarah sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri dengan berkunjung ke kediaman Pegawai Daerah Belait pada 20 Ogos 2013 seterusnya mengunjungi kediaman Penghulu Mukim Liang dan Penghulu Mukim Setia hari ini.

Lawatan tersebut bertujuan melawat sambil mengikat silaturahmi bersama Pegawai Daerah dan Penghulu-penghulu Mukim Daerah Belait.

Di kesempatan kunjungan ke kediaman Penghulu Mukim Liang, Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin melahirkan rasa gembira atas kunjungan muhibah tersebut kerana sama-sama dapat berkongsi minda mengenai hal pembangunan mukim, hal ehwal kemasyarakatan, keselamatan dan kemakmuran mukim.

Aktiviti ini merupakan aktiviti pertama dibuat oleh pasukan ini dan dihasratkan akan dijadikan sebagai satu aktiviti rasmi pasukan ini semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri di tahun-tahun yang akan datang.



TETAMU yang hadir dalam Majlis Rumah Terbuka Pemangku Pegawai Daerah Temburong dihidangkan dengan beraneka jenis hidangan lazat dan istimewa.

Penuntut Pusat Ehsan diraikan

Oleh : Aimi Sani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BENGKURONG, Selasa, 27 Ogos. - Insan istimewa dan individu berkeperluan khas terus diraikan dalam sambutan Hari Raya Aidilfitri oleh pelbagai pihak di negara ini.

Sehubungan itu PDB Gemilang Sendirian Berhad dan PharmaCare Laboratories (Asia) Sendirian Berhad pagi tadi meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama warga Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam bertempat di pusat berkenaan, Kampung Bengkurang, di sini.

Majlis dimulakan dengan persembahan sketsa dan nyanyian dari penuntut-penuntut pusat tersebut.

Acara diteruskan dengan penyampaian derma sebanyak BND500 yang disampaikan oleh Pengarah Urusan PDB Gemilang Sdn. Bhd. Patrick Choo Chee How kepada Pemegang Amanah Eksekutif Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Pengiran Datin Hajah Noraini binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin.

Terdahulu sebelum itu, Pengarah Urusan PDB Gemilang Sdn. Bhd. Patrick Choo Chee How dalam ucapan alu-aluannya berkata sambutan Hari Raya Aidilfitri ini adalah merupakan sebahagian daripada tanggungjawab syarikat yang bertindak sebagai tanda muhibah dan niat prihatin syarikat ke arah individu yang mempunyai keperluan khas.

Pada majlis tersebut, penyanyi tempatan negara, Maria juga selaku duta jenama Roseken turut diundang bagi memeriahkan acara dengan mendendangkan tiga buah lagu dari album terbaru beliau iaitu Sesuci Lebaran, Semarak Syawal dan Satu Kali.

Majlis berakhir dengan penyerahan sampul hari raya kepada seluruh penuntut Pusat Ehsan yang diserahkan oleh Pengarah Urusan PDB Gemilang Sdn. Bhd. Patrick Choo Chee How.

Turut hadir ialah Pengarah Jualan dan Pemasaran PharmaCare Laboratories (Asia) Sdn. Bhd. So Bee Leng yang juga merupakan pemilik jenama Roseken serta seluruh warga Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.



PERSEMBAHAN nyanyian daripada penuntut-penuntut Pusat Ehsan menyeronokkan lagi sambutan Hari Raya Aidilfitri.

GPSS eratkan hubungan kalangan ahli

Oleh : Aimi Sani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Sabtu, 24 Ogos. - Gerakan Pakatan Pemuda Sukarela (GPSS) mengambil kesempatan bagi mengeratkan lagi tali silaturahmi di kalangan ahli-ahlinya pada Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Seramba-

ngun, Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd. Hussain.

Menurut Yang Di-Pertua GPSS, Awang Abdul Khalid bin Abdul Latip yang berpeluang untuk bersuailah

kenal antara ahli lama dan ahli baru GPSS.

Beliau berharap agar majlis tersebut akan dapat menanam semangat baru kepada para ahli serta mempunyai nilai moral yang bertolak ansur, penyayang, adil progresif dan makmur.

Majlis turut diserikan dengan beberapa persembahan nyanyian yang dipersembahkan oleh Ahli-Ahli GPSS diikuti dengan cabutan tiket-tiket bertuah.



BERAMAH mesra ... hadir selaku tetamu kehormat ialah Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd. Hussain juga disertai bersama ahli Gerakan Pakatan Pemuda Sukarela (GPSS).

INTEGRASI EKONOMI: Tunggak Utama Agenda ASEAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenaan bergambar ramai bersama-sama Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN serta Menteri-Menteri Ekonomi bagi negara-negara blok di rantau Asia, Eropah, Amerika Utara yang mengikuti Sidang Perdagangan dan Pelaburan ASEAN yang berlangsung di Negara Brunei Darussalam.

Oleh : Azman Haji Abdul Rahim

Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar, Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

INTEGRASI Ekonomi (Economic Integration) bermaksud dasar-dasar ekonomi yang disatukan antara beberapa buah negara melalui pemansuhan sebahagian ataupun keseluruhan sekatan-sekatan tarif dan bukan tarif antara sesama mereka sebelum mereka (negara-negara tersebut) bersatu menjadi sebuah blok. Dengan kata lain, integrasi ekonomi ditempatkan sebagai agenda utama yang perlu diselesaikan sebelum

mana-mana negara yang ingin wujud sebagai sebuah kumpulan merealisasikan keinginan tersebut.

Ada beberapa perkara yang menyebabkan negara-negara mahu melaksanakan integrasi ekonomi sama ada berdasarkan pandangan ekonomi mahupun politik. Yang jelas integrasi ekonomi akan membawa kepada penurunan harga yang setentunya menguntungkan pihak pengedar dan pengguna dengan matlamat meningkatkan

produktiviti ekonomi negara-negara terbabit.

Namun, langkah-langkah ke arah integrasi ekonomi bukanlah satu perkara yang mudah untuk dilaksanakan. Antara permasalahan yang berkait rapat dengannya dan menjadi batu penghalangan utama bagi pelaksanaannya ialah ketidak-sediaan pihak-pihak terbabit untuk dengan rela menamatkan pengawalan ke atas hasil atau pendapatan yang diperolehinya melalui peraturan cukai dan perlesenan yang kini dikongsi sama dengan negara-negara lain dalam blok yang dibentuk. Mereka tidak mudah mahu menyerahkan peranan dan tanggungjawab tersebut,



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah merasmikan Sidang Perdagangan dan Pelaburan ASEAN yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa pada 20 Ogos 2013 yang lalu.

yang sebelumnya dikuasai secara persendirian, kepada pihak baru yang dianggotai oleh perwakilan dari setiap negara yang menyertai integrasi ekonomi tersebut.

Disebaliknya itu, ada kalangan negara yang bersedia untuk bersatu bagi mewujudkan satu blok ekonomi dalam rantau masing-masing kerana faedah besar yang bakal diraih dari pada integrasi ekonomi. Maka muncul lah blok-blok ekonomi seperti ASEAN, NAFTA (Kawasan Bebas Cukai Amerika Utara), SACN, EU (Kesatuan Eropah) dan Masyarakat Ekonomi Euro Asia. Dalam pada itu, blok-blok ekonomi antara benua (intercontinental) juga mula muncul seperti Comprehensive Economic Partnership (RCEP) dan Kawasan Bebas Cukai Transatlantik. Kesemuanya wujud adalah kerana kerajaan masing-masing mengakui akan kesan baik yang bakal diperolehi daripada integrasi ekonomi terhadap kemajuan dan kesejahteraan negara dan rakyat mereka.

Bagi ASEAN yang ingin merealisasikan matlamat 'Satu Komuniti', apa yang penting ialah komitmen bagi mencapainya. Matlamat untuk wujud sebagai satu masyarakat tersebut menjelang tahun 2015 hanya akan menjadikan kenyataan dengan adanya semangat yang tinggi dan ketahanan dalam menghadapi cabaran dan ujian getir yang datang bersamanya. Di samping itu, persefahaman yang erat perlu sentiasa dipelihara dan dijadikan sebagai pendorong utama dalam merach kejayaan mencapai wawasan 'Satu Komuniti' berkenaan. Mana-mana isu dan konflik yang baru hendaklah ditangani secara baik dan saksama

serta tidak mengamalkan sikap terburu-buru bagi melancarkan tindakan yang agresif dan boleh mengancam keharmonian serantau.

Itulah antara peringatan yang diberikan oleh Pengerusi ASEAN 2013. Ketika bertitah merasmikan Sidang Perdagangan dan Pelaburan ASEAN yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa pada 20 Ogos 2013, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menekankan bahawa integrasi ekonomi adalah faktor yang boleh meningkatkan daya tahan ASEAN.

"Pada melihat hadapan terhadap masa depannya, ASEAN masih komited untuk meningkatkan daya tahan melalui integrasi ekonomi yang mendalam, kewangan yang kukuh, keselamatan makanan dan tenaga, dan yang lebih penting, mengembangkan kesalinghubungan melalui Pelan Induk yang akan direalisasikan pada tahun 2015. Kerjasama ekonomi serantau merupakan tonggak utama dalam agenda ASEAN, yang mengukuhkan matlamat utama kita untuk mewujudkan Komuniti Ekonomi ASEAN menjelang 2015," jelas baginda.

Dalam pada itu, menurut baginda, ASEAN juga perlu sentiasa menyedarkan kepentingan memastikan keamanan dan kestabilan yang berterusan dalam rantau berkenaan sebagai pra-syarat bagi mendokong pertumbuhan dan kemajuan ekonomi.



KEBAWAH DYMM berkenaan beramah mesra bersama-sama dengan para Menteri Ekonomi yang hadir dalam Sesi Sidang Perdagangan dan Pelaburan ASEAN.

RUMUSAN BARANGAN KEPERLUAN HARIAN MINGGU KEEMPAT 26 OGOS 2013

No.	DESCRIPTION	WEIGHT	HUA HO (TG BUNUT)	HUA HO (YAYASAN)	FIRST EMPORIUM	JAYA HYPERMARKET	TEGUH RAYA (DELIMA)	PERTAMA DEPT STORE
1	Condensed Milk (Susu Manis Pekat)							
	F&N	390 g	\$1.00	\$1.05	\$1.05	\$1.00	\$1.00	\$1.25
	Milkmaid	388 g	\$1.05	\$1.05	\$1.05	\$1.05	\$1.05	\$1.10
	Teapot	388 g	-	\$1.20	-	-	\$1.25	-
2	Evaporated Milk (Susu Cair)							
	Cow Bell	400 g	\$1.05	\$1.05	\$1.05	\$1.05	\$1.05	-
	F&N	400 g	\$1.05	\$1.20	\$1.15	\$1.00	\$1.10	\$1.20
	Ideal	405 g	\$1.45	\$1.45	\$1.40	\$1.39	\$1.45	\$1.45
3	Flour (Tepong)							
	Prima Plain	1 kg	\$2.15	\$2.09	\$2.20	\$2.05	\$2.10	\$1.30
	Green SP Interflour	1 kg	\$1.35	\$1.55	\$1.60	\$1.19	\$1.55	-
4	Butter/Margarine							
	Golden Chum	340 g	\$4.50	\$4.95	\$2.95	\$4.69	-	\$4.95
	QBB	454 g	\$6.10	\$6.10	\$6.75	-	\$6.50	\$6.40
	Planta Margarine	480 g	\$3.55	\$3.40	\$3.60	\$3.50	\$3.50	\$3.55
5	Instant Noodles							
	Maggi Curry	80g x 5	\$1.65	\$1.69	\$1.80	\$1.55	\$1.65	\$1.85
	Maggi Ayam	80g x 5	\$1.65	\$1.69	\$1.80	\$1.55	\$1.65	\$1.85
	Maggi Asam	80g x 5	\$2.10	\$2.10	\$2.10	\$2.10	\$2.00	\$2.15
	Indo Food Mee Goreng	80g x 5	\$1.90	\$1.90	\$1.90	\$1.90	\$1.80	\$1.95
	Indo Mie Mee Goreng	80g x 5	\$1.45	\$1.40	\$1.40	\$1.35	\$1.35	\$1.40
6	Dried Noodles							
	Falcon & Moon Stick Noodle Tai Thong	150 g	\$0.60	\$0.55	\$0.50	\$0.45	\$0.50	-
	Cap Udang MBS - Medium Flat Sabah	400 g	\$1.90	\$1.90	\$1.80	\$1.65	\$1.70	-
	Cap Limau Mee Hoon	400 g	\$1.10	\$1.20	\$1.10	\$1.05	\$1.10	\$1.10
	Wai Wai Oriental Style	400 g	\$1.50	\$1.75	\$1.30	\$1.20	\$1.40	\$1.40
7	Fresh Chicken (Ayam Segar)							
	Whole Chicken (Bulat)	1 kg	\$4.30	\$4.30	\$4.50	\$4.09	\$4.30	\$4.30
	Chicken Drumsticks (Peha)	1 kg	\$6.20	\$6.20	\$6.00	\$6.90	\$6.20	\$6.50
	Chicken Breasts (Dada)	1 kg	\$3.90	\$3.90	\$3.80	\$4.09	\$4.50	\$3.80
	Chicken Wings (Sayap)	1 kg	\$7.90	\$7.90	\$7.60	\$7.29	\$7.80	\$7.80
8	Chicken Eggs (Telor Ayam)							
	1 Dozen (Size)	1 doz	\$2.00	\$2.00	\$2.40	\$3.10	\$2.20	\$2.30
	1 Tray (30 biji) (Size)	1 tray	\$5.90	\$5.90	\$6.40	\$6.10	\$6.30	\$6.30
9	Onions (Bawang)							
	Shallot (Bawang Merah)	1 kg	\$1.60	\$1.80	\$2.40	\$1.90	\$2.50	\$2.50
	Garlic (Bawang Putih)	1 kg	\$2.20	\$2.20	\$3.20	\$1.99	-	\$2.20
	Brown Onion (Bawang Besar)	1 kg	\$1.35	\$1.35	\$1.90	\$0.95	\$1.30	\$1.60
10	Cooking Oil (Minyak Masak)							
	Mazola Corn	3 kg	\$14.00	\$15.45	\$17.50	-	\$16.80	-
	Naturel Sunflower	3 kg	\$11.80	\$11.80	-	\$10.99	-	-
	Labour	2 kg	\$5.70	\$5.30	\$5.20	\$4.89	\$4.90	-
	Labour	5 kg	\$12.85	\$11.80	\$11.30	\$10.39	\$9.50	\$10.80
	Seri Murni	2 kg	\$4.10	\$3.99	\$5.10	\$3.99	\$4.20	-
	Seri Murni	5 kg	\$8.95	\$8.90	\$11.60	\$9.19	\$8.40	-
	Sunco	2 ltr	\$4.30	\$5.20	\$5.00	\$4.10	\$4.30	\$4.30
	Sunco	5 ltr	\$9.50	\$9.40	\$9.90	\$9.50	\$9.30	\$9.90
	Sania	2 ltr	\$3.85	\$3.95	\$3.95	\$3.50	\$3.90	\$4.20
	Sania	5 ltr	\$8.95	\$8.90	\$9.20	\$8.80	\$8.95	\$8.95
11	Milo (Malaysia)							
	Nestle Milo	1 kg	\$7.90	\$7.95	\$8.10	\$7.69	\$7.70	\$8.50
	Nestle Milo	1.5 kg	\$12.60	\$13.20	\$13.50	\$12.50	\$12.80	-
12	Cordial Syrups							
	F&N Sun Valley Grenadine	2 lit	\$5.00	\$4.85	\$4.40	\$4.39	\$4.45	-
	F&N Sun Valley Rose	2 lit	\$5.00	\$4.85	\$4.40	-	\$4.45	-
	F&N Sun Valley Sarsi	2 lit	\$5.00	\$4.85	\$4.40	-	\$4.45	-
	Ria Kordial Rose	2 lit	\$4.35	\$4.20	\$4.20	\$4.20	\$4.20	\$4.40
	Ria Kordial Sarsi	2 lit	\$4.35	\$4.20	\$4.20	\$4.20	\$4.20	\$4.40
	Rose Brand Rose Syrup Flavour	750 ml	\$3.59	\$3.59	\$3.65	\$3.40	\$3.60	\$3.95
13	Sauces (Sos)							
	Habhal Salty Soy Sauce (Cap Kipas Udang)	645 ml	\$3.40	\$3.30	\$3.40	\$2.79	\$3.25	\$3.40
	Habhal Sweet Soy Sauce (Cap Kipas Udang)	645 ml	\$3.65	\$3.50	\$3.45	\$3.40	\$3.35	\$3.45
	Maggi Chili Sauce	340 gm	\$1.20	\$1.50	\$1.10	\$1.05	\$1.10	\$1.15
	Maggi Tomato Ketchup	325 gm	\$1.15	\$1.05	\$1.05	\$0.99	\$1.00	-
	Adabi Oyster Sauce (Sos Tiram)	510 gm	\$2.30	\$2.30	\$2.10	\$1.99	\$2.10	\$2.20
	Nona Oyster Sauce (Sos Tiram)	510 gm	\$1.80	\$1.90	\$1.80	\$1.69	\$2.10	\$1.80

No.	DESCRIPTION	WEIGHT	HUA HO (TG BUNUT)	HUA HO (YAYASAN)	FIRST EMPORIUM	JAYA HYPERMARKET	TEGUH RAYA (DELIMA)	PERTAMA DEPT STORE
14	Mayonnaisse							
	Real Mayonnaisse (Lady's Choice)	230 ml	\$2.70	\$2.70	\$2.50	\$2.80	\$2.45	\$2.80
	Real Mayonnaisse (Lady's Choice)	470 ml	\$4.55	\$4.50	\$4.50	\$4.19	\$4.80	\$4.60
15	Infant Diapers							
	Drypers - Wee Wee Dry Newborn (Up to 5 kg)	NB 28	\$7.15	-	\$7.50	\$7.70	\$7.20	\$7.50
	Drypers Small (3-7 kg)	S 32	\$7.15	-	\$7.50	\$7.70	\$7.20	\$7.50
	Drypers Medium (6-11 kg)	M 28	\$7.15	-	\$7.50	\$7.70	\$7.20	\$7.50
	Drypers Large (9-14 kg)	L 48	\$12.70	\$13.60	\$13.60	-	-	-
	Drypers Extra Large (12-17 kg)	XL 40	\$12.70	\$13.60	\$13.60	-	-	-
	Drypers Extra-Extra Large (15 kg above)	XXL 16	\$7.15	-	\$7.50	-	\$7.20	\$7.50
	Mamy Poko - Newborn (Up to 5 kg)	NB 28+2	\$8.90	-	\$8.90	-	\$12.20	-
	Mamy Poko Small (3-8 kg)	S 48+2	\$16.95	\$16.80	\$16.90	\$15.60	-	\$16.80
	Mamy Poko Medium (6-11 kg)	M 44	\$16.95	\$16.80	\$16.90	\$15.60	\$15.90	\$16.80
	Mamy Poko Large (9-14 kg)	L 56	\$16.95	-	\$16.90	-	-	-
	Mamy Poko Extra Large (12-17 kg)	XL 50	\$16.95	-	\$16.90	-	-	-
	Mamy Poko Extra-Extra Large (15 kg above)	XXL 28	\$16.95	\$16.80	\$16.95	\$15.60	\$16.50	\$16.80
	Sealer Newborn (Up to 5 kg)	NB 48	\$8.80	\$8.80	-	-	-	\$8.80
	Sealer Small (3-7 kg)	S 46	-	-	-	-	-	-
	Sealer Medium (6-11 kg)	M 42	\$12.70	\$13.20	-	-	-	-
	Sealer Large (9-14 kg)	L 48	\$12.70	-	-	-	\$14.90	-
	Sealer Extra Large (12 kg above)	XL 42	\$12.90	\$14.80	-	-	\$14.90	-
	Sealer Sumo Extra Large (15kg above)	XXL 28	\$11.10	\$11.50	-	-	\$11.50	\$11.50
	EQ Dry - Newborn (Up to 5 kg)	NB 20/22	-	-	-	-	\$3.80	-
	EQ Dry Small (3-7 kg)	S 40	\$7.80	\$7.80	\$7.80	\$10.50	\$7.20	-
	EQ Dry Medium (6-11 kg)	M 36	\$7.80	\$7.80	\$7.80	-	\$7.20	-
	EQ Dry Large (9-14 kg)	L 48	\$10.40	\$10.55	\$10.55	\$10.50	\$10.50	-
	EQ Dry Extra Large (12-17 kg)	XL 42	\$10.40	\$10.55	\$10.55	\$10.50	\$10.50	-
	EQ Dry Extra-Extra Large (15 kg above)	XXL 24	\$9.00	\$9.00	\$9.20	-	\$8.90	\$6.50
16	Frozen							
	BMC - Chicken Frankfurters	340 g	\$1.99	\$1.99	\$2.10	\$1.99	\$2.00	\$2.30
	Ayamas - Chicken Frankfurters	340 g	\$2.45	\$2.45	\$2.35	\$2.59	\$2.40	\$2.50
	BIFFI Chicken Frankfurters	340 g	-	\$1.50	-	\$1.45	\$1.40	-
	BMC - Nuggets	1 kg	\$5.80	\$5.80	\$6.50	\$6.90	\$6.80	\$6.90
	Ayamas - Crispy Nuggets	1 kg	\$8.65	\$8.80	\$8.20	-	\$8.50	-
	FARM'S Best Chicken Nuggets	1 kg	\$5.40	\$5.40	\$5.60	-	\$5.60	-
	BMC - Chicken Burger	900 g	\$7.30	\$7.30	\$7.20	\$7.30	\$6.80	\$6.90
	PDS - Chicken Burger	900 g	-	-	-	-	-	-
	BMC - Beef Burger	900 g	\$6.95	\$6.35	\$6.80	\$6.30	\$6.50	\$6.80
	PDS - Beef Burger	900 g	\$7.20	\$7.20	\$6.95	\$7.60	-	\$7.50
17	Canned Preserved Food							
	Yeo's Chicken Curry	145 g	\$1.50	\$1.55	\$1.50	\$1.50	\$1.45	\$1.15
	Rex Chicken Curry	160 g	\$1.50	\$1.50	\$1.60	-	\$1.40	\$1.10
	Ayam Brand Sardine In Tomato Sauce Tall	230 g	\$2.30	\$2.30	\$2.00	\$2.10	\$2.10	\$2.85
	Ayam Brand Sardine In Tomato Sauce Oval	215 g	\$2.35	\$2.35	\$2.10	\$2.10	\$2.10	\$2.10
	Smiling Fish Fried Baby Clam with Chili	40 g	\$1.05	\$1.10	\$1.10	\$1.05	\$1.10	\$1.10
	Smiling Fish Crispy Baby Clam	30 g	\$1.15	\$1.15	\$1.15	\$1.15	\$1.15	\$1.10
	Kara Natural Coconut Extract	200 ml	\$1.10	\$1.10	\$1.10	\$1.00	-	\$1.10
	Ayam Brand Coconut Milk Blue Packet	200 ml	\$1.10	\$1.10	-	\$0.95	\$1.10	\$1.10
	Ayam Brand Coconut Milk Blue Tin	270 ml	\$1.80	\$2.30	\$1.70	\$1.65	\$1.65	\$1.85
	Chakoah Coconut Milk Gata	400 ml	\$1.45	\$1.55	\$1.50	\$1.39	\$1.45	\$1.15
	Babu Kitchen Coconut Milk Indo	400 ml	\$1.65	\$1.55	\$1.60	\$1.49	\$1.40	\$1.65
18	Kaya Spread							
	Habhal's Cap Kipas Udang Sri Kaya	240 g	\$1.95	\$2.00	\$2.10	\$1.80	\$1.95	\$2.00
	Nona Kaya dengan telur Omega	180 g	\$1.20	\$1.25	\$1.20	-	\$1.15	\$1.30
	Play Basketball since 1965 S'pore	200 g	\$0.95	\$0.95	\$1.10	-	-	-
	Glory Nyonya Kaya Coconut Jam	250 g	\$1.85	\$1.70	-	-	-	-
19	Detergents							
	Ekonomi Handalan Putih Kekal Baru	2.5 kg	\$5.10	\$4.85	-	\$5.20	\$4.30	\$5.20
	DAIA Excellent Washing Powder	2.5 kg	\$6.15	\$6.50	\$5.90	\$5.99	\$5.90	\$6.20
	Dynamo Liquid Detergent	1 kg	\$3.50	\$3.80	\$3.70	\$5.20	\$3.65	-
	Breeze Liquid Detergent	2000 ml	\$5.80	\$5.70	\$5.30	\$6.20	\$5.80	-
	Clorox Liquid Bleach	1 lit	\$1.90	\$1.90	\$2.00	\$1.80	\$1.80	\$1.90
	Cocorex Liquid Bleach	1 lit	\$1.60	\$1.60	\$1.70	-	\$1.50	\$1.60

*Harga barang tertakluk kepada stok

Untuk maklumat lanjut sila layari laman web www.depd.gov.bn



مرتد دان چارا مغاتسين

واهي قوم مسلمين يڄ درحمتي الله،

ماريله ڪيت منيفڪن ڪنڌوان ڪيت ڪڏ الله سبحانه وتعالى دغن فنهو ڪيڦين دان ڪڙاخلاصن دغن ملاڪون سڪل سوروهن دان منيفڪلڪن سڪل لاراغن. ملهملهن ڪيت منجادي انسان يڄ برتقوي دان برلمان سرت سلامة ددنيا دان سلامة داخرة.

مسلمين يڄ برهڪيا،

اسلام مروفان نعمة ڪرنا الله سبحانه وتعالى يڄ ساغه برهڪ يڄ مسني دشڪوري دان دڦليهارا. والوباڪيمان فون تردافه سڪلنتير اومه اسلام يڄ تيدق ماسڪن ڪيرونوڻن منجادي سئورغ مسلم ايت. اين برلاڪو اذاله دسبيڪن هاتي مريڪ تروتف دان توندوق ڪڏ هوا نفسو سرت هاسون شيطان، سهيڻڪ منجادي طمع ڪڏ هرتا دان عشيق دغن ڪسرونوق دنيا، سهيڻڪ اد فول يڄ سڄوڻ مغلڪن ڪايا هيدوف تنفا باتسن اتو هيدوف تنفا فراتون، ڪران ماسڪن فراتون ايت منجادي ففهاغ دان ففڪت ڪييسن مريڪ.

مسلمين يڄ درحمتي الله،

مسفڪوهن الله سبحانه وتعالى مها ففاسيه دان فبايغ ترهادف همبا۲ دان تيدق ماهو همبا سست دان بيناس. ڪران ايت الله سبحانه وتعالى مغايشتن همبا سفاي برفڪغ تڪوه دغن القرعان دان السنه اڪر دافه ميميقن دان منجوقن ڪجالن يڄ لوروس دان بر. سموك دغن ڪلمانن دان ڪنڌوان، عقيدہ مريڪ اڪن ڪوڪوه دان مننف سرت ترقليهارا.

ڪنهوريله بهوا عقيدہ اذاله فرڪارا يڄ امة ففتيغ دالم اسلام. اي تيدق بوله دفرسندا اتو دفرمين۲ ڪن سماء دغن هاتي، فرڪان ماهوفون فربواتن، ڪران سموا ايت اذاله بردوسا بسر دان بوله ميبڪن مرتد اتو رڏه يعني ترڪلوار درفد اڪام اسلام يڄ ساغه دمورڪاي اوله الله سبحانه وتعالى يڄ ميبڪن ترهافوسن سڪل عمل عبادہ يڄ فرنه دلاڪون. فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة البقرة آية ۲۱۷:

تفسير:

دان سسياف داننارا ڪامو يڄ مرتد دري اڪامن (اسلام)، لالو دي ماتي سدغ دي دالم ڪادان ڪافر، مڪ سيا۲ له عمان مريڪ يڄ بايڪ ددنيا دان داخرة، مريڪ ايتله اهل نراڪ، مريڪ ڪڪل ددالن.

اهل جمعة سڪلن،

اد فون داننارا فونجا فيب برلاڪون مرتد ايله ڪورغ ففنهوان دان جاهل تنفغ اڪام. ڪران ايت اذاله منجادي ڪواچن ڪيت اومه اسلام مفلاجر دي دان مڻهوي فرڪارا۲ يڄ بوله مبابوا ڪڏ برلاڪون مرتد ايت. ڪران دغن چارا دمڪن عقيدہ دافه دڦليهارا. فرڪارا۲ يڄ بوله ميبڪن مرتد ايت ساغه بايق،

داننارا دلاڪون اوله سڪلنتير اومه اسلام تنفا مڻهوي بهوا فربواتن ايت بوله مبابوا ڪڏ مرتد ايت اڦيل سستورغ ايت تيدق مڻاڪوي اتو شڪ تنفغ حڪوم۲ الله سبحانه وتعالى يڄ دسبونڪن ددالم القرعان دان حديث رسول الله صلى الله عليه وسلم، منافيڪن فرڪارا واجب يڄ تله ثابت دغن اجماع سفرت ڪواچن ميبهغ ليم وقت، زڪاة دان سباڪين، بڪيتو ڄوڪ اي ممبجي اتو تيدق ميوكاي اچارن۲ توحيد اتو حڪوم۲ شرع يڄ دتورونڪن اوله الله سبحانه وتعالى.

مسلمين يڄ برهڪيا،

ڪيت فرلو اڪور بهوا صفة نصيحة منصيحي دان ايفه برافه ايت عمان يڄ مليا دان ساغه برفائده ڪران اذاله بردوسا جڪ ڪيت ميباڪن سودارا۲ اسلام ڪيت هاپوت دباوا اروس ڪمنڪران دان ڪمصين سڏڪن اذاله منجادي تڄوڄوڄوڄو ڪيت ممريڪن يميميڻ سفاي هيدوف دانسن لنداسن يڄ بر ايت اچارن اڪام اسلام.

سميڻن بر، بوڪن سموا اورغ سوڪ دتڪور تنافي ڪيت فرلو ايفه بهوا توڪس ڪيت ميمپيڪن امانه الله سبحانه وتعالى دان رسولن. مڪ يڄ ففتيغ ڪيت تله ميمپيڪن. تنافي اورغ دتڪور فرلو ايفه بهوا مغلوارڪن ڪات۲ يڄ منوق فرينته۲ دان لاراغن۲ الله سبحانه وتعالى يڄ تله دشرپتڪن دغن ايفڪر دان تڪيور اذاله ساله ساتو فربواتن يڄ مبابوا ڪڏ مرتد، نؤدباالله من ذلك. اوله ايت برهاتيله۲، چاغن ايكوت سدغ مولوت، بوڪنڪه ففاته اد مڻاڪن ڪران فولوت ستن بيناس، سبب مولوت بدان بيناس. افڪه ڪيت ماهو دجف سباڪي اومه يڄ درهاڪ دان دمورڪاي اوله الله سبحانه وتعالى؟ سوده تنو تيدق!

دالم هوپون اين بروسفاداله، چاغن ييارڪن ديري ڪيت هاپوت لبه چاوه. برترما ڪاسيهله ڪڏ يڄ مبدركن دغن سڪرا برتوبه دان ميسالي اف يڄ تله دلاڪون.

مسلمين يڄ درحمتي الله،

مساله مرتد بوڪن مساله ريشن تنافي مساله بسر دان برت يڄ مسني دايلقن، دمان اتوق منجوهين مملوڪن ڪڏ فنديقتن اسلام برمولا دري اُنق۲ لائي. اوله ايت ايبوباف مسني ملفڪنڪن ديري مريڪ دان اُنق۲ مريڪ دغن علم فرض عين يڄ مرغڪومي ففاجران تنفغ عقيدہ، عبادہ دان اخلاق. چريتاڪله قيصه۲ تولادن سفرتي منجريتاڪن دري فريلاڪو مانسي يڄ بايڪ دان منطاعتي فرينته الله سرت دغن ڪنجانرن، دان ڄوڪ تيدق لوف قيصه۲ اومه تردهولو يڄ ديمقا بنجان لتارن ڪايڻڪارن دان ڪنرهاڪان ڪڏ الله سبحانه وتعالى. سموك دغن دمڪن ترناتم دالم جيوا اُنق۲ روح اسلام، صفة تاڪوت دان ڪنر ترهادف فمبالسن الله سبحانه وتعالى.

فرچايله جڪ اسلام دجادڪن سباڪي چارا هيدوف مڪ اڪن وجودله فرسڪيتارن دان ڪهيدوفن يڄ سمقرنا دان اڪن لاهيرله صفة برتولق اُنسور، تولوغ منولوغ، برمواقه، برڪاسيه سايق، برصقة امانه، عادل،

منجاوهي فرڪارا۲ يڄ حرام دان معصيه، دان سباڪين. جڪ فڪور ايت بر۲ دحياتي دان دفرڪيڪن سفنوهن دالم ڪهيدوفن سستون اڪن منجامين ڪهڪيان، ڪامانن دان ڪسلامتن، بايڪ ددنيا ماهوفون داخرة.

اهل جمعة سڪلن،

مرتد مروفان فرڪارا يڄ ساغه برهڪيا ڪڏ اسلام دان اومتن. مڪ ڪيت فرلو منيفڪن ڪفهامن دالم اڪام اڪر دافه منجادي ييتيغ دري ترجوموس ڪڏ فرڪارا۲ يڄ بوله منجسڪن عقيدہ. اوله ايت تباد چالن لائن جڪ ڪيت ماهو سلامة ددنيا ماهوفون داخرة ملايڪن دغن منيفڪن ڪفهامن مفيڪوت اچارن القرعان دان السنه. بوڪنڪه رسول الله صلى الله عليه وسلم فرنه برسدا دالم سبواه حديث:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنِّي قَدْ تَرَكْتُ فِيكُمْ مَا إِنْ اغْتَصَبْتُمْ بِهِ فَلَنْ تُضِلُّوا أَبَدًا، كِتَابُ اللَّهِ وَسُنَّةُ نَبِيِّهِ { رواه الإمام الحاكم }

مقصود:

دري ابن عباس رضي الله عنهما اي برڪات: سبدا رسول الله صلى الله عليه وسلم: مسفڪوهن اڪو تله منيفڪلڪن فڏ ڪامو دوا فرڪارا يڄ ڪامو تيدق اڪن سام سڪالي سست سلمان جڪ ڪامو برفڪغ ڪڏ ڪدون، ايت ڪتاب الله دان سنه ني.

اخرن سام۲ ڪيت بردعاء ڪڏ الله سبحانه وتعالى سفاي منجوقن ڪيت چالن يڄ لوروس دان مپلامتن ڪيت دري ڪسسن دان منجاوهي درفد سڪل ڪبوروقن يڄ لاهير ماهوفون يڄ باطن. آمين يا رب العالمين.

{ سورة النحل آية ۱۰۶ }

تفسير:

سسياف يڄ ڪافر ڪڏ الله سسوده دي برلمان مڪ باڪين ڪموركان الله، ڪجوالي اورغ دققسا ملاڪون فرڪارا ڪفور سدغ هاتين تنفغ دغن ڪلمانن (دي تيدق بردوسا) تنافي سسياف يڄ تربوڪ هاتين ملاڪون ڪڪافرن ايت مڪ ڪموركان الله منيفقا مريڪ، دان باڪي مريڪ عذاب يڄ بسر.

Pro-Canselor UBD berangkat rasmikan Pesta Konvo

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Masri Osman, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUNGKU, Sabtu, 31 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Perasmian Pesta Konvo di Bangunan Perpustakaan UBD, di sini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan yang juga selaku Naib Canselor UBD, Dato Paduka Dr. Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah dan doa selamat dipimpin oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

DYTM kemudiannya berkenan merasmikan Pesta Konvo UBD 2013.

Pesta Konvo bersempena Majlis Konvokesyen UBD Ke-25 telah memilih tema 'Meraikan GenNEXT' bagi meraikan pencapaian semua graduan yang mana tahun ini adalah kohort pertama Program Sarjana Muda GenNEXT.

DYTM kemudian dijunjung menyaksikan pameran yang menonjolkan kebolehan, kreativiti, inovasi dan keusahawanan daripada para bakal graduan dan pelajar dalam merealisasikan matlamat GenNEXT.

Antara pameran yang menarik perhatian termasuklah rekaan para pelajar yang memaparkan animasi rakyat, digitalisasi gulintangan selain gambaran kehidupan di Kampung Ayer.

Pameran di aras satu dan dua memaparkan mengenai dengan penyelidikan dan pencapaian para pelajar.

Pameran dibuka untuk kunjungan orang ramai selama dua minggu sepanjang Pesta Konvo berlangsung sehingga 20 Oktober depan.

Kemuncak acara ialah Konvokesyen UBD Ke-25 yang akan berlangsung pada 12 September yang dijangka akan berlangsung di Dewan Canselor UBD.

UBD merupakan universiti pertama ditubuhkan di negara ini, terus berkembang pesat sejak penubuhannya dengan melahirkan bijak pandai yang secara langsung menyumbang ke arah pembangunan dan kejayaan negara.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di JPM, Pro-Canselor UBD berkenan mengurniakan sabda bagi Perasmian Pesta Konvo (kanan).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pro-Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) berkenan menyaksikan pameran sejurus merasmikan Pesta Konvo di Bangunan Perpustakaan UBD.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM, Pro-Canselor UBD yang menonjolkan kebolehan, kreativiti, inovasi dan keusahawanan daripada para bakal graduan dan pelajar dalam merealisasikan matlamat GenNEXT (atas kiri dan kanan), sementara gambar bawah kiri dan kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah bakal graduan dan para pelajar UBD yang sama-sama menayakan Pesta Konvo berkenaan.



DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima pesambah sempena Pesta Konvo (kiri), sementara gambar kanan, DYTM berkenan menyaksikan pameran rekaan para pelajar yang memaparkan animasi rakyat, digitalisasi gulintangan, selain gambaran kehidupan di Kampung Ayer.



**PUSAT PEMBANGUNAN BELIA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**PUSAT PEMBANGUNAN BELIA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**KENYATAAN TAWARAN
'TENDER NOTICE'**

**BILANGAN TAWARAN / TENDER
REFERENCE: 08/2013/KKBS/PPB/06**

**TAJUK TAWARAN: KONTRAK
PENGGAL 12 BULAN BAGI
PEMBEKALAN DAN PENGHANTARAN
BAHAN-BAHAN LATIHAN
PRAKTIKAL BAGI KURSUS
KEMAHIRAN PASTRI DAN
KONFEKSIONARI (PROGRAM
JANGKA PANJANG 9 BULAN DAN
PROGRAM JANGKA PENDEK 3
BULAN) DI PUSAT PEMBANGUNAN
BELIA, KEMENTERIAN KEBUDAYA-
AN, BELIA DAN SUKAN, JALAN
UTAMA TANAH JAMBU, NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM.**

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada

Syarikat-Syarikat/Pemborong tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Syarikat-syarikat/Pemborong yang dimiliki oleh kakitangan Kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.

3. Dokumen tawaran boleh diperolehi daripada **Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17 Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam** semasa hari/waktu bekerja.

4. Yuran Tawaran adalah **\$10.00 sahaja** dan tidak akan dikembalikan kepada setiap syarikat/pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah ('bona-fide tender').

5. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi ('sealed') dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tawaran tanpa menyatakan nama penender/syarikat dengan dialamatkan kepada **Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam.**

6. Tawaran yang lengkap hendaklah

dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan dan dialamatkan kepada:

**PENGERUSI JAWATANKUASA
SEBUT HARGA**

**Tingkat 7, Bangunan Kementerian
Kebudayaan, Belia dan Sukan
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan
BS8110**

Negara Brunei Darussalam.

**Tidak lewat jam 2.00 petang, hari
Selasa, 3 September 2013.**

7. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

8. Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran adalah pada hari **Isnin, 2 September 2013, jam 4.00 petang.**

9. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan. Borang tawaran dan borang pengakuan penender hendaklah diisi dengan lengkap dan penuh. Tawaran yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan untuk penilaian.

10. Syarikat/Pemborong adalah **DISARAN-KAN membuat lawatan ke Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Utama Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam** pada hari dan waktu bekerja bagi mengenal pasti

kepeluan tawaran dan lokasi pembekalan.

11. Penerangan lanjut boleh dirujuk kepada Pegawai Latihan pada talian 2393681 ext. 717, Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Utama Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam.

12. Sebelum dokumen tawaran dikeluarkan, setiap Syarikat/Pemborong yang mengambil bahagian adalah dikehendaki untuk menghadapkan salinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Pembangunan dan Sijil-Sijil Pendaftaran Perniagaan (Business Enactment Section 16 & 17) dan dikehendaki membayar yuran tawaran dengan kadar yang telah ditetapkan.

13. Setiap borang tawaran yang telah disikan dengan lengkap hendaklah disertakan salinan sijil pendaftaran (seperti kenyataan para 12) dan salinan resit pembayaran yuran tawaran (seperti kenyataan para 7).

14. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

15. Syarikat yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan LTN/4(39/1997).



**PUSAT PEMBANGUNAN BELIA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**PUSAT PEMBANGUNAN BELIA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**KENYATAAN TAWARAN
'TENDER NOTICE'**

**BILANGAN TAWARAN / TENDER
REFERENCE: 05/2013/KKBS/PPB/02
(RE-TENDER)**

**TAJUK TAWARAN / TENDER TTILE:
TAWARAN UNTUK MENGENDALIKAN
KURSUS PEMANDU JENTERA BERAT
(KURSUS SINGKAT) PUSAT
PEMBANGUNAN BELIA,
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN, JALAN UTAMA
TANAH JAMBU, NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM.**

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-Syarikat/Pemborong tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam dan mempunyai pengalaman dan berkemahiran dalam urusan pengendalian Kursus Pemandu Jentera Berat serta pengendali kursus/sekolah memandu hendaklah berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan.

2. Syarikat-syarikat/Pemborong yang dimiliki oleh kakitangan Kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.

3. Dokumen tawaran boleh diperolehi daripada **Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17 Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam** semasa hari/waktu bekerja.

4. Yuran Tawaran adalah **\$10.00 sahaja** dan tidak akan dikembalikan kepada setiap syarikat/pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah ('bona-fide tender').

5. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi ('sealed') dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tawaran tanpa menyatakan nama penender/syarikat dengan dialamatkan kepada **Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam.**

6. Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan di:

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil

**Tingkat 1, Ruang Masuk/Penyambut
Tetamu**

(depan kaunter sekuriti)

**Bangunan Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan**

**Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan
BS8110**

Negara Brunei Darussalam.

**Tidak lewat jam 2.00 petang, hari Selasa,
3 September 2013.**

7. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

8. Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran adalah pada hari **Isnin, 2 September 2013, jam 4.00 petang.**

9. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan. Borang tawaran dan borang pengakuan penender hendaklah diisi dengan lengkap dan penuh. Tawaran yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan untuk penilaian.

10. Syarikat/Pemborong adalah disarankan membuat lawatan ke **Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Utama Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam** pada hari dan waktu bekerja.

11. Penerangan lanjut boleh dirujuk kepada Pegawai Latihan ditalian 2393681 Ext. 717 atau Pengajar Teknik Kanan ditalian 2393681 Ext. 741, Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Utama Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam.

12. Sebelum dokumen tawaran dikeluarkan, setiap Syarikat/Pemborong yang mengambil bahagian adalah dikehendaki untuk menghadapkan salinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Pembangunan dan Sijil-Sijil Pendaftaran Perniagaan (Business Enactment Section 16 & 17) dan dikehendaki membayar yuran tawaran dengan kadar yang telah ditetapkan.

13. Setiap borang tawaran yang telah disikan dengan lengkap hendaklah disertakan salinan sijil pendaftaran (seperti kenyataan para 12) dan salinan resit pembayaran yuran tawaran (seperti kenyataan para 7).

14. Setiap penyertaan hendaklah menghadapkan dokumen yang lengkap mengenai cadangan pengendalian kursus termasuk mengistiharkan senarai nama-nama pelaksana/fasilitator, sekolah memandu yang berdaftar

dengan JPD, keterangan program kursus, scheduled work programme dan semua isi kandungan kursus-kursus yang akan dikendalikan. Kegagalan berbuat demikian membolehkan tawaran untuk tidak disokong.

15. Keterangan sub kontraktor/pengendali kursus yang terlibat semasa kursus hendaklah diberikan surat deklarasi kerjasama/notis secara bersurat yang dihantar bersama-sama dokumen tawaran ini.

16. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

17. Syarikat yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan LTN/4(39/1997).

**BILANGAN TAWARAN / TENDER
REFERENCE: 07/2013/KKBS/PPB/03
(RE-TENDER)**

**TAJUK TAWARAN / TENDER TTILE:
TAWARAN UNTUK MENGENDALIKAN
KURSUS SCAFFOLDING (PROGRAM
SINGKAT) PUSAT PEMBANGUNAN
BELIA, KEMENTERIAN KEBUDAYA-
AN, BELIA DAN SUKAN, JALAN
UTAMA TANAH JAMBU, NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM.**

1. Tawaran adalah dipelawa daripada Syarikat-Syarikat/Pemborong tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Syarikat-syarikat/Pemborong yang dimiliki oleh kakitangan Kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.

Bilangan Tawaran :
JPE /LTK/BPP/050/2013

Tajuk Tawaran :
**SUPPLY AND INSTALLATION OF
ENERGY EFFICIENT LIGHTING
ALONG JALAN SELAPUN IN
TEMBURONG DISTRICT**

**Tarikh Tutup: 17 SEPTEMBER 2013
(HARI SELASA, JAM 2.00 PTG)**

**Yuran Tawaran : B\$50.00
(Tidak dikembalikan)**

Kelayakan:

Pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Kategori E01 dan E02 dalam Kelas II Atau Ke Atas SAHAJA, mempunyai pekerja mahir yang berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Elektrik serta mempunyai peralatan/kemudahan bagi mengendalikan kerja tersebut.

Bilangan Tawaran :
JPE /LTK/BPP/057/2013

Tajuk Tawaran :
**SUPPLY AND INSTALLATION OF
STREET LIGHTING AT JALAN**

**BENGKURONG MASIN, NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

**Tarikh Tutup: 10 SEPTEMBER 2013
(HARI SELASA, JAM 2.00 PTG)**

**Yuran Tawaran : B\$30.00
(Tidak dikembalikan)**

Kelayakan:

Pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Kategori E01 dan E02 dalam Kelas II Atau Ke Atas SAHAJA, mempunyai pekerja mahir yang berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Elektrik serta mempunyai peralatan/kemudahan bagi mengendalikan kerja tersebut.

Bilangan Tawaran :
JPE /LTK/BPP/058/2013

Tajuk Tawaran :
**MAINTENANCE OF 400W STREET
LIGHTING FOR MUKIM BERAHAS
FOR A PERIOD OF TWO (2) YEARS**

**Tarikh Tutup: 17 SEPTEMBER 2013
(HARI SELASA, JAM 2.00 PTG)**

Yuran Tawaran : B\$50.00

(Tidak dikembalikan)

Kelayakan:

Pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Kategori E01 dan E02 dalam Kelas II Atau Ke Atas SAHAJA, mempunyai pekerja mahir yang berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Elektrik serta mempunyai peralatan/kemudahan bagi mengendalikan kerja tersebut.

Bilangan Tawaran :
JPE /LTK/BPP/059/2013

Tajuk Tawaran :
**MAINTENANCE OF 400W STREET
LIGHTING FOR MUKIM GADONG
FOR A PERIOD OF TWO (2) YEARS**

**Tarikh Tutup: 17 SEPTEMBER 2013
(HARI SELASA, JAM 2.00 PTG)**

**Yuran Tawaran : B\$50.00
(Tidak dikembalikan)**

Kelayakan:

Pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Kategori E01 dan E02 dalam Kelas II Atau Ke Atas SAHAJA, mempunyai pekerja mahir yang berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Elektrik serta mempunyai peralatan/kemudahan bagi mengendalikan kerja tersebut.

Tempat Tutup:
"PETI TAWARAN"

**PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN
KECIL**

**JABATAN PERDANA MENTERI
JALAN MENTERI BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Kelayakan:

Pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan kategori E01 dan E02 dalam kelas II Atau Ke Atas SAHAJA, mempunyai pekerja mahir yang berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Elektrik serta mempunyai peralatan/kemudahan bagi mengendalikan kerja tersebut.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi di Kaunter Unit Pendaftaran Bahagian Perdagangan, Tingkat Satu (1), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.

Perhatian:-

Sila sertakan salinan "BUSINESS NAMES ENACTMENT, 1958 -SECTION 16 & 17 DAN Sijil Pendaftaran pemborong (MOD) semasa menghantar dokumen ini ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



JABATAN PELABUHAN KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

PART 1 TENDER DOCUMENT

**REFURBISHING WORKS AND
REPLACE ALL THE EXISTING
TIMBER FLOORING "HARDWOOD
DECKING JETTY PONTOON"
ADDITIONAL / INSTALLATION
FLOATING PONTOON AND MODIFY /
FABRICATE THE FRONT RUBBER
FENDER WITH CURVE GALVANISED
GI CAPPING, AT THE BANGAR BOAT
JETTY / PASSENGER TERMINAL,
PORTS DEPARTMENT BRUNEI
DARUSSALAM
JP/T14/2013-2014**

INVITATION TO BID

1. Tenderer are invited from Class II, III & IV with relevant category (B01 and / or KPB02).
2. Tender Documents can be obtained

from:

**Tender and Quotation Unit
2nd Floor, Head Quarters Building,
Ports Department
Ministry of Communications,
Muara BT 1728
Negara Brunei Darussalam.**

Requests for tender document should be accompanied with a non-refundable document fee of Brunei Dollars Ten only (\$10.00) in cash.

Tender Documents will be issued up to **TUESDAY, 17 SEPTEMBER 2013** on any working day:

**MONDAY TO THURSDAY:
8.00AM - 11.00AM & 1.30PM - 2.30PM
AND SATURDAY: 8.00AM - 10.00AM**

TENDERS BOND / BANK GUARANTEE

3. Tender should be accompanied by tender bond in the form of the Bank Guarantee,

which not be less than 20% of the total tender price and valid for 30 days beyond the bid validity. Any tender which is not accompanied by an acceptable. Tender Bind Bank Guarantee and not identified with each tender, will be rejected as non-responsive.

The Tender Bond / Bank Guarantee of the successful Tendered will be returned promptly, after he provides as acceptable performance Bond.

Tender Bonds will be returned to the unsuccessful bidder as soon as possible, upon award of tender, but in any event not later than 30 days after the expiration of the period of Tender validity.

TIME & PLACE FOR SUBMISSION OF TENDERS

4. The tender (s) must be sent in a sealed, plain envelope with the following requirements: -

(a) **REFURBISHING WORKS AND
REPLACE ALL THE EXISTING
TIMBER FLOORING "HARDWOOD
DECKING JETTY PONTOON"
ADDITIONAL/INSTALLATION**

**FLOATING PONTOON AND MODIFY /
FABRICATE THE FRONT RUBBER
FENDER WITH CURVE GALVANISED
GI CAPPING, AT THE BANGAR BOAT
JETTY / PASSENGER TERMINAL,
PORTS DEPARTMENT BRUNEI
DARUSSALAM
- JP/T14/2013-2014.**

Must be clearly written on the front side of the envelope.

- (b) The envelope used must NOT bare the name or logo of any company of supplier.
- (c) The envelope must be addressed to: -

**The Chairman
Mini Tender Board Committee
4th Floor, Ministry of Communications
Building
Jalan Menteri Besar
Negara Brunei Darussalam.**

(d) Site inspection will be conducted on **THURSDAY, 19 SEPTEMBER 2013, 09.30AM** at **JETI PENUMPANG TERMINAL, TEMBURONG.**

(e) The bids will be received only until **2.00 PM, TUESDAY, 24 SEPTEMBER 2013.**



JABATAN LAUT KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN SEBUT HARGA:

**No. 1 Tajuk Sebut Harga:
MEMOTONG, MEMBERSIHKAN DAN
MEMBUANG POKOK TUMBANG DI
KAWASAN RUMAH API LUMUT**

Bilangan Sebut Harga :
025/JL/SH/2013/2014

**Tarikh Tutup / Masa:
11 SEPTEMBER 2013 / 2.00 PM**

**No. 2 Tajuk Sebut Harga:
TO SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION, CONFIGURATION,
TRAINING AND COMMISSIONING OF
ONE (1) UNIT VOICE LOGGING
RECORDER FOR MUARA MARINE
SIGNAL STATION**

Bilangan Sebut Harga :
027/JL/SH/2013/2014

**Tarikh Tutup / Masa:
11 SEPTEMBER 2013 / 2.00 PM**

Syarat-Syarat Tawaran Sebut Harga:-

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong/syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Keterangan skop kerja berkenaan bolehlah diambil semasa waktu bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan 1.30 petang hingga 3.00 petang dan hari Sabtu 8.00 pagi hingga 10.00 pagi daripada Bahagian Kewangan, Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Jalan Serasa, Muara BT1728, Negara Brunei Darussalam. Dokumen berkenaan bolehlah diambil bermula pada 28 Ogos 2013. Yuran dokumen

tidak diperlukan.

3. Sebut harga yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

4. Tawaran mestilah dihadapkan didalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) tanpa menyatakan nama pemborong yang bertanda "TAJUK-TAJUK TAWARAN" di bahagian atas sebelah kiri dan dihantar kepada alamat berikut:

**PENGERUSI JAWATANKUASA
SEBUT HARGA
JABATAN LAUT,
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN,
KAWASAN PERINDUSTRIAN,
SERASA, MUARA BT1728,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

5. Sampul surat hendaklah dimasukkan ke dalam Kotak Sebut Harga, Tingkat Bawah, Kaunter Penyambut Tetamu, Jabatan Laut. Semua tawaran hendaklah sampai ke alamat yang dinyatakan.

6. Pemborong yang berjaya akan men-

jalankan kerja-kerja berkenaan dalam tempoh seperti yang didalam skop kerja berkenaan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima sebarang tawaran yang tertinggi atau apa-apa jua bentuk tawaran.

8. Syarikat-syarikat hendaklah menyertakan dokumen-dokumen berikut dengan lengkap yang berdaftar dan masih sah di Negara Brunei Darussalam :-

- a. Lesen Perniagaan 16/17
- b. Sijil Pendaftaran Kontraktor Dan Pembekal Dari Kementerian Pembangunan
- c. Daftar Pemilik Syarikat (Borang X)

9. Syarikat-syarikat yang ikut serta adalah dikehendaki untuk menetapkan tempoh sah laku selama enam (6) bulan daripada tarikh tutup tawaran.

10. Sebarang pertanyaan dan penerangan lanjut bolehlah menghubungi pada talian 2771347 sambungan 270.



JABATAN BELIA DAN SUKAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

BIL TAWARAN :
(14) JBS/ADM/UP/2013

Peti Sebut Harga, Tingkat 4, Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336 - 17, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan BA1211 Negara Brunei Darussalam.

**BIL TAWARAN : (153)
JBS/ADM/QC/2013**

**KETERANGAN: MEMBEKALKAN
DAN MENGHANTAR REPLIKA 'PIA-
LA PUSINGAN' BAGI JOHAN QARI
DAN JOHAN QARIAH UNTUK
MUSABAQAH TILAWATIL QURAN
BELIA ASIA TENGGARA
2013M / 1434H
YURAN TAWARAN: \$5.00**

**TARIKH TUTUP: Tidak lewat jam
2.00 petang, 11 SEPTEMBER 2013**

**BIL TAWARAN: (154)
JBS/ADM/QC/2013**

**KETERANGAN: MEMBEKALKAN
HASSANAL BOLKIAH NATIONAL
STADIUM GROUND FLOOR, FIRST
FLOOR SIGNAGES & GATE
SIGNAGES.**

YURAN TAWARAN: \$5.00

**TARIKH TUTUP: Tidak lewat jam
2.00 petang, 11 SEPTEMBER 2013**

**Tarikh Tutup : 4 Zulkaedah 1434
11 SEPTEMBER 2013 (Hari Rabu)**

**Jam : Tidak Lewat Jam 2.00 Petang
Cagar : Seperti yang dinyatakan pada
Keterangan Sebut Harga -
Bagi setiap satu dokumen
(Tidak dikembalikan)**

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi di Bahagian Unit Hasil, Tingkat 4, Jabatan Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Berakas, BA 1211, Negara Brunei Darussalam.

**Waktu Menerima Bayaran
ISNIN - KHAMIS
8.30 PAGI - 11.30 PAGI
SABTU 8.30 PAGI - 10.30 PAGI**


**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN**

BORANG GERAJIA SEMPENA SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE-67 TAHUN BAGI TAHUN 2013 BERTEMPAT DI KAWASAN LAPANG LETAK KERETA JALAN BENDAHARA BERHADAPAN DENGAN BANGUNAN ALAT-ALAT KEBESARAN DIRAJA, BANDAR SERI BEGAWAN

Jabatan bandaran Bandar seri Begawan sedang membukakan permohonan bagi mendapatkan ruang/gerai berjaja sempena sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-67 Tahun Bagi Tahun 2013 Bertempat Di Kawasan Lapang Letak Kereta Jalan Bendahara.

Permohonan hanya dibukakan khusus kepada:

i. Warga dan penduduk tetap Negara brunei Darussalam yang bermastautin di Daerah Brunei dan Muara sahaja.

ii. Berumur tidak kurang daripada 18 tahun.

iii. Tidak memegang sebarang jawatan samada dengan kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ataupun dengan sector swasta.

Bayaran borang sebanyak **BND2.00** dan pembelian borang permohonan bolehlah didapati di Kaunter Tingkat 3, Bahagian Kewangan, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri bermula **28 Ogos 2013** dan tarikh tutup pengambilan dan penghantaran borang pada hari **Sabtu, 7 September 2013 jam 10.30 pagi**.

Setiap borang yang lengkap berserta resit bayaran borang **BND2.00** hendaklah **dikembalikan tidak lewat pada hari Sabtu, 7 September 2013 jam 10.30 pagi di Tingkat 1, Unit Pengurusan Asset, Jalan Perdana Menteri** dan pengundian akan diadakan pada tarikh dan waktu yang akan dimaklumkan kemudian.

Sewa letak jualan adalah seperti berikut:

Kategori 'A'

Gerai Makan dan Minum

Harga sewa sepetak :

BND1,500 harga minimum tawaran

Pemilihan: harga tertinggi

Kategori 'B'

Gerai Takeaway

Harga sewa sepetak : BND350.00

Pemilihan: pengundian

Kategori C

Gerai Salai-Salaian

Harga Sewa Sepetak : BND350.00

Pemilihan: Pengundian

Kategori D

Gerai Pakaian Dan Runcit

Harga Sewa Sepetak : BND540.00

Pemilihan: Pengundian

Kategori E

Buah-Buahan Dan Sayur-Sayuran

Harga Sewa Sepetak : BND350.00

Pemilihan: Pengundian


**JABATAN PENDIDIKAN TEKNIK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**BAHAGIAN PENDIDIKAN LANJUTAN
JABATAN PENDIDIKAN TEKNIK,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PENGAMBILAN KURSUS LCCI
SESI 2014**

KURSUS LCCI LEVEL I, II DAN III

Jabatan pendidikan teknik, kementerian pendidikan melalui Bahagian pendidikan lanjutan memaklumkan kepada orang awam dewasa, warga Negara dan penduduk tetap yang bekerja di Negara ini bahawa pengambilan kursus LCCI bagi sesi 2104 akan dibukakan.

Syarat-syarat kemasukan ialah:

Bagi level I, tamat tingkatan 5 atau mempunyai fahaman asas dalam subjek Mathematics, English dan Business.

Bagi level II, 3 lulus/Pass Peringkat BGCE O Level dalam subjek yang bersesuaian atau lulus LCCI Level I (subjek yang bersesuaian seperti Mathematics, English, POA, Commerce dan Business).

Bagi Level III, 3 Kepujian / Credit peringkat BGCE O Level dalam subjek yang bersesuaian atau lulus LCCI Level @ (subjek yang bersesuaian seperti Mathematics, English, POA, Economics, Accounting dan Business).

Kursus dijangka bermula pada bulan Januari 2014, bertempat di Sekolah Perdagangan, Jalan Pasar Baharu, Gadong.

Borang-borang boleh didapati di Bahagian Pendidikan Lanjutan mulai 2 hingga 30

september 2013 dan hendaklah dikembalikan **tidak lewat sebelum 12 Oktober 2013**.

Untuk maklumat lanjut boleh berhubung terus ke Bahagian Pendidikan Lanjutan, Jalan Pasar Baharu, Gadong atau ditalian 24224493.

KURSUS-KURSUS BAHASA ASING

Jabatan pendidikan teknik, kementerian pendidikan melalui Bahagian pendidikan lanjutan memaklumkan kepada orang awam dewasa, warga Negara dan penduduk tetap dan warga asing yang memegang kad pintar berwarna hijau yang berumur 15 tahun ke atas bahawa pengambilan kursus-kursus bahasa asing bagi sesi 2014 akan dibuka. Kursus-kursus yang ditawarkan adalah Bahasa Arab, Bahasa Jepun, Bahasa Korea, Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris (Perbualan), Bahasa Inggeris Peringkat Rendah, Bahasa Inggeris Peringkat Menengah dan bahasa melayu untuk warga asing.

Kursus dijangka bermula pada bulan Januari 2014, bertempat di Sekolah Perdagangan, Jalan Pasar Baharu, Gadong.

Borang-borang boleh didapati di Bahagian Pendidikan Lanjutan mulai **2 hingga 30 September 2013 dan hendaklah dikembalikan tidak lewat sebelum 12 Oktober 2013**.

Untuk maklumat lanjut boleh berhubung terus ke Bahagian Pendidikan Lanjutan, Jalan Pasar Baharu, Gadong atau di talian 24224493.


**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**PEMBERITAHUAN
BAGI MENDAPATKAN PENYEWAAN
BANGKU-BANGKU DAN PETAK-PETAK DI GERAINEKA MUKIM LIANG**

1. ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa penyewaan bagi mendapatkan bangku-bangku dan petak-petak Geraineke Mukim Liang dibukakan kepada orang ramai.

2. Sehubungan dengan itu, pemohon-pemohon yang berminat bolehlah mendapatkan borang seperti berikut:-

Tarikh permohonan dibukakan pada 12 september 2013

Tarikh akhir mengembalikan borang 30 september 2013, jam 2.00 petang

Tempat: kaunter bahagian melesen, Jabatan Daerah Belait, Kuala Belait

3. Syarat-syarat:-

i. Pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan penduduk tetap, bermastautin di mukim liang yang berdekatan.

ii. Pemohon-pemohon hendaklah memiliki Sijil Pendaftaran Perniagaan Seksyen 16 & 17.

iii. borang-borang permohanan dan keterangan lanjut mengenai penyewaan ini bolehlah diperolehi dari Unit Melesen, Jabatan Daerah Belait pada waktu pejabat.

4. Bangku-bangku dan petak-petak geraineke mukim liang adalah terhad, pemohon yang memenuhi syarat sahaja yang dipertimbangkan.

4.1. Bangku-Bangku Sayur-Sayuran Dan Buah-Buahan - 10 Unit

4.2. Bangku-Bangku Basah - 10 Unit

4.3. Petak -Petak Jualan Makanan - 6 Unit

4.4. Bayaran Sewa Sebulan - 1 unit = BND8.00 sebulan

5. Perhatian:-

1. Borang permohonan yang tidak lengkap, tidak akan dipertimbangkan.

2. Borang permohonan yang dihadapkan selepas tarikh terakhir mengembalikan borang pada **10 September 2013 tidak akan dilayan**.


**BAHAGIAN IT & E-KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

**BAHAGIAN IT & E-KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

**BILANGAN TAWARAN:
JPM/ITEG/2/INFO/6**

Tajuk Tawaran:

"The Design and Development of the Prime Minister's Office and its Department Websites"

Tarikh Tutup:

10 September 2013, hari Selasa, 2 petang.

**Information Day: 3 September 2013,
Hari Selasa, 2 petang**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada

syarikat-syarikat teknologi maklumat (IT) yang sah berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan yang mempunyai **AAB Status dan ICTAB Kelas 1, dan 2 sahaja**.

2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk tawaran dengan bilangan tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti atau logo Syarikat / Pembekal.

3. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran ke alamat yang tersebut di bawah tidak lewat dari **jam 2.00 petang pada hari Selasa, 10 September 2013.**

**PENGERUSI,
LEMBAGA TAWARAN KECIL,
JABATAN PERDANA MENTERI
JALAN MENTERI BESAR,
BANDAR SERI BEGAWAN BB3913
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

4. Dokumen-dokumen terperinci mengenai tawaran ini boleh diperolehi setelah bayaran harga Yuran Tawaran berjumlah **BS10.00 (tidak akan dikembalikan)** dibuat di Unit Kewangan, Jabatan Perdana Menteri, Tingkat 1, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3913, Negara Brunei Darussalam pada waktu-waktu berikut:

Isnin Khamis :

8.30 - 11.30 pagi

2.00 - 3.00 petang

Sabtu :

8.30 - 11.30 pagi

5. Borang Pengakuan dokumen tawaran akan diberikan selepas pembayaran yuran tawaran telah dibuat dan hendaklah diisi dengan lengkap bersama COP syarikat pada waktu yang sama sebelum diberikan dokumen tawaran.

6. Tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

7. Borang-borang tawaran boleh didapati dalam bentuk softcopy dengan harga tambahan B\$5.00.

8. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.

Majlis Sukan Polis menewaskan NFABD U19 2 - 1

Oleh : Abdullah Asgar

BERAKAS, Rabu, 28 Ogos. - Kemenangan jaringan 2-1 Majlis Sukan Polis ke atas NFABD U19 belum menjamin pasukan berkenaan mara ke pusingan seterusnya setelah sebelum ini mereka kalah kepada Pasukan LLRC FC 4 - 0 kejohanan bola sepak 6 penjuru di Padang dan Belapan, di sini.

Perlawanan yang lebih berpihak kepada Majlis Sukan Polis menyaksikan gawang NFABD U19 berjaya dibolosi di minit ke-8 oleh Mohd. Saiful Rizal bin Haji Awang dengan menanduk masuk hasil sepakan sudut sebelah kanan.

Dengan jaringan itu Majlis Sukan Polis terus menguasai perlawanan tetapi serangan mereka terus buntu melainkan hanya terlepas beberapa peluang terbaik untuk menambah jaringan namun tiada yang menepati sasaran selain tersasar dan melimpasi palang dan tiang gol.

Kedudukan 1 - 0 kekal hingga tamat separuh masa pertama, bersambung masa kedua permainan mula berubah dengan NFABD U19 dapat menguasai melalui gandingan cantik penyerangan.

Tetapi sayang peluang hanya tersia kerana penyudah yang tidak sempurna akan tetapi pada minit ke-60 gawang Polis bolos juga akhirnya menerusi Safwan Amaluddin Sabli melalui tendangan percuma di luar kawasan 'D' setelah pemain pertahanan Polis membuat kekasaran dan peluang itu tidak disiakan bagi menyamakan kedudukan.

Kerana mengharapkan keputusan seri pertahanan NFABD U19 leka sedikit kerana pada minit ke-83 bolos kali kedua kali ini hasil jaringan depan pintu gol oleh Rosmini Haji Abd. Kahar, sekali gus Polis berjaya mendahului 2 - 1 dan seterusnya memenangi perlawanan.

Dalam perlawanan lain Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei tumpas di tangan Brunei U23 1 - 0 di Kompleks Sukan Berakas.

KPSSU anjur Brunei Golf Challenge 2013

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri ketika menyampaikan hadiah kepada pemenang yang menyertai Brunei Golf Challenge 2013.

JERUDONG, Khamis, 29 Ogos. - Airlines (RBA) dan Apple Vacations Malaysia menganjurkan Brunei Golf Challenge 2013 yang diadakan di dua venue berasingan di negara ini.

Padang RBA Golf Club dijadikan medan pertandingan di hari pertama dalam kejohanan tersebut yang menjemput 24 pemain profesional dari Kuala Lumpur, Malaysia sebelum beralih pada pusingan kedua di The Empire Hotel and Country Club Jerudong di sini.

Kejohanan yang bermula sejak 27 Ogos lepas dimenangi oleh Simon Tan di tempat pertama, diikuti di tempat kedua oleh Goh Kian Dong dan berada di tempat ketiga ialah Yap Chin Heng.

Hadir menyampaikan hadiah kejohanan ialah Setiausaha Tetap KPSSU, Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri.

Kejohanan di bawah pakej pelancongan tiga hari dua malam adalah salah satu usaha ke arah mewujudkan kesedaran lebih banyak produk pelancongan di alam semula jadi, budaya, warisan dan pelancongan Islam dengan tujuan untuk mewujudkan kesedaran di kalangan peminat golf dan pengunjung ke arah pakej golf yang menarik di bawah pakej percutian Royal Brunei yang ditawarkan sepanjang tahun.

Pasukan Indera Sport Club (SC) menang tipis

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Ogos. - Pasukan Indera Sport Club (SC) berjaya menyingkap tirai Kejohanan Bolasepak

ANTARA aksi MS ABDB dan Indera SC dalam Kejohanan Bolasepak Jemputan 6 Penjuru.

Jemputan 6 Penjuru 2013 selepas menang tipis ke atas pasukan MS ABDB dalam perlawanan pertama Kumpulan 'A' yang diadakan di Balapan dan Padang Kompleks Sukan Negara Hassanah Bolkiah Berakas, di sini.

Jaringan kemenangan pasukan Indera SC diperolehi pada minit ke-68 menerusi tandukan Reduan Haji Petara yang memanfaatkan ketinggian selepas menyambut baik hantaran tinggi dari sudut kiri oleh Md. Nazirul Nazreen.

Awalnya, pada separuh masa pertama kedua-dua pasukan gagal memperolehi sebarang jaringan walaupun beberapa percubaan berjaya dilakukan.

Pasukan tentera yang cuba melancarkan serangan dari berbagai sudut awalnya hampir mendahului kedudukan apabila percubaan Sld. Affendy pada minit ke-67 sedikit tersasar selepas menerima hantaran Sld. Budiman.

Namun lapan minit kemudian pasukan MS ABDB mengulangi percubaannya setelah hantaran lintang Sld. Budiman dari sebelah kiri ke kanan yang mencari rakan sepasukannya Sld. Md. Baharin gagal membuat penyudah yang sempurna sekalipun berusaha dengan semaksimanya.

Sebaliknya masa tambahan

tiga minit hampir dimanfaatkan oleh pasukan Indera SC setelah sepakan kencang Md. Aqmal Hakeem hanya melintasi palang gol pasukan MS ABDB.

Dalam perlawanan pertama dalam Kumpulan 'B' pula pasukan LLRC FT berjaya menumpaskan pasukan MS Polis dengan jaringan 4 - 0.

Jaringan yang dihasilkan oleh Safuan Juhar pada minit ke-30 diikuti oleh Ak. Md. Haikal pada minit 70.

Seminit selepas itu pasukan LLRC FT menjaringkan gol ketiga menerusi Md. Fakhruddin dan Ak. Md. Haikal menjaringkan gol keempat dua minit selepas itu.

Kejohanan jemputan yang julung-julung kali diadakan ini dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan dengan kerjasama Persatuan Bolasepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD).

Pada kejohanan ini sebanyak enam buah pasukan menyertainya yang terdiri dari pasukan MS ABDB, Indera SC, Under 23 (SEA GAMES), MS Polis, LLRC FT dan Under 19 (NFABD).

Kejohanan antara lain bertujuan untuk membantu pasukan kebangsaan U23 yang akan menyertai Sukan SEA 2013 kepada suasana perlawanan bola sepak dalam negeri yang lebih berdaya saing setelah menjalani latihan sejak April lepas.



Pasukan negara sertai Kejohanan Sepak Takraw India

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Ogos. - Pasukan Sepak Takraw Negara Brunei Darussalam berlepas ke India bagi menyertai Kejohanan Sepak Takraw 'World ISTAF Super Series'.

Kejohanan peringkat dunia tersebut bakal disertai oleh 12 buah negara dan bermula pada 29 Ogos hingga 1 September 2013.

Sebelum berlepas, pasukan yang diketuai oleh Abu Bakar bin Haji Jumahat selaku Pengurus Pasukan menerima bendera negara yang disampaikan oleh Presiden PESTABARU, Pengiran Haji Ali Hassan bin Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Abas.

Pasukan negara menyenaraikan lima pemain terbaiknya akan merangkaikan tiga pemain utama pada perlawanan pembukaan iaitu Awang Selamat sebagai pemain tekong, Shukri sebagai apit kanan dan Adi Ariffin sebagai apit kiri.

Juga menyertai dalam rombongan pasukan tersebut ialah dua orang pengadil.



KETUA Pasukan, Abu Bakar bin Haji Jumahat selaku Pengurus Pasukan menerima bendera negara yang disampaikan oleh Presiden PESTABARU, Pengiran Haji Ali Hassan bin Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Abas.

Dalam carta kedudukan dunia, pasukan negara berada pada tangga ketujuh sementara Thailand berada di tangga teratas.

Menurut pengurus pasukan negara, mereka akan melakukan yang terbaik dalam kejohanan tersebut terutama dalam memperbaiki kedudukan dunia.

Anggota Pengamanan MALCOY 8 selamat tiba

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Muhammad Asri
Haji Awang Abas

RIMBA, Rabu, 7 Ogos. - Seramai sepuluh anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang mengikuti Kompeni Malaysia Kelapan (MALCOY 8) di bawah misi Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNIFIL) selamat kembali ke tanah air.

Hadir bagi mengalu-alukan kepulangan mereka di Pangkalan Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), di sini ialah Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Kontinjen Pengamanan UNIFIL yang menamatkan penugasan menjaga keamanan dan kestabilan di Lubnan tersebut telah diketuai oleh Mejar Awang Mohd. Roasri Erwan bin Haji Tasrif dan para anggotanya yang terdiri daripada Kapten Awang Haji Mohd. Aishamudin bin Haji Ali; PW2 Awang Mohd. Yusree bin Tamin; Sjn. Awang Mohd. Jalani bin Mohd. Zainal Abidin; Sjn. Awang Mohd. Doon bin Mohd. Yusop; Sjn Awang Mohd. Helmy bin Mohd. Salleh; Sjn. Awang Mardini bin Haji Kassim; Kpl Awang Sukarizal bin Janang; LKpl Awang Roslan bin Umar dan LKpl Awang Kamarul Kifli bin Mohammad.

Turut diadakan pada upacara tersebut ialah Pemakaian Beret ABDB kepada anggota-anggota kontinjen berkenaan yang disempurnakan oleh Pemerintah ABDB.

Juga hadir menyaksikan upacara berkenaan ialah Ahli-ahli Jawatan-kuasa Eksekutif Pertahanan, Pengarah-Pengarah Tentera dan Awam, Pegawai-pegawai Kanan dan para pegawai dari Kementerian Pertahanan dan anggota-anggota ABDB serta ahli keluarga.

Kontinjen tersebut telah berlepas pada Julai 2012 bagi menjalankan misi pengamanan di Lubnan dan Negara Brunei Darussalam telah menyertai misi pengamanan tersebut di bawah UNIFIL sejak tahun 2008.

PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa menyempurnakan pemakaian Beret ABDB kepada anggota-anggota kontinjen berkenaan.



Usaha mengamalkan penyusuan susu ibu ditingkatkan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Ogos. - Dalam usaha untuk meningkatkan kadar penyusuan susu ibu dan mewujudkan kesedaran ke arah mempromosikan kebaikan penyusuan ibu, Maternal, Infant and Young Child Nutrition Taskforce (MIYCN) dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Penyusuan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha mengadakan Seminar dan Bengkel 'Road to Baby-Friendly Hospital Initiative' sempena Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia 2013.

Bengkel yang bermula 26 hingga 27 Ogos berlangsung di Hotel Badi'ah dan dihadiri oleh 45 pegawai dan

kakitangan hospital dari keempat-empat daerah.

Pada sepanjang bengkel dua hari ini, dua penceramah dari Malaysia diundang untuk menyampaikan taklimat yang berkaitan dengan penyusuan susu ibu iaitu Puan Hajah Siti Norjinah binti Abdul Moin dan Profesor Dr. Adlina binti Sulaiman.

Tujuan utama seminar dan bengkel diadakan ialah untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan penyusuan ibu berasaskan hospital dan sokongan kumpulan komuniti ibu-ke-ibu melalui pembelajaran dari perspektif Malaysia yang bersesuaian.

Selain itu, ianya juga bertujuan untuk memperbaiki panduan perkhidmatan hospital di Negara Brunei Darussalam dalam menilai amalan dan langkah-langkah penyusuan susu ibu yang berjaya, di samping mengekalkan dan meningkatkan kadar penyusuan eksklusif untuk enam bulan dan seterusnya meningkatkan kadar penyusuan susu ibu sehingga anak mencapai umur dua tahun.

PUAN Hajah Siti Norjinah binti Abdul Moin dan Profesor Dr. Adlina binti Sulaiman dua penceramah undangan dari Malaysia yang diundang menyampaikan taklimat pada Seminar dan Bengkel sempena Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia 2013.



Tiga produk kosmetik dicemari bahan racun

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Ogos.- Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak menggunakan tiga jenis produk kosmetik yang tersenarai di bawah ini yang telah ditarik balik daripada pasaran oleh pihak berkuasa di negara jiran kerana didapati dicemari dengan bahan racun berjadual dan ubat-ubatan barat yang tidak diisytiharkan.

Produk yang di cemari tersebut ialah Aveana Night Revival Cream keluaran Owi Lab (M) Sdn. Bhd yang dicemari dengan Tretinoin; Blemished Skin Ampoules keluaran Nobel Aspect Sdn. Bhd dicemari dengan Azelaic Acid dan produk Golden Horse B & W Cream (GH902-1) keluaran Chin San Chemical Works, Taiwan yang dicemari dengan Mercury.

Bahan-bahan pencemar dalam produk kosmetik berkenaan boleh mengakibatkan kesan-kesan mudarat yang membahayakan kesihatan.

Tretinoin merupakan bahan-bahan yang digunakan dalam ubat-ubatan yang memerlukan preskripsi bagi merawat penyakit kulit dan di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik) ia dilarang terkandung di dalam mana-mana produk kosmetik. Penggunaan *tretinoin* yang tidak betul boleh menyebabkan kulit yang disapu menjadi merah, mengelupas dan parut pada kulit.

Produk yang mengandungi *azelaic acid* pula digunakan untuk merawat masalah jerawat

dan *rosacea* dan juga adalah dilarang terkandung di dalam produk kosmetik. Produk yang mengandungi *azelaic acid* hanya boleh digunakan di bawah pengawasan doktor. Penggunaan *azelaic acid* tanpa pengawasan boleh menyebabkan bahagian kulit yang disapu mengalami rasa terbakar, pedih, kering, mengelupas dan kemerahan.

Sementara penggunaan *mercury* di dalam produk kosmetik juga dilarang kerana ia boleh memudaratkan kesihatan. Tahap *mercury* yang tinggi atau pendedahan yang kerap boleh menyebabkan kulit kebas, sakit kepala, ruam, perubahan warna kulit serta kerosakan pada buah pinggang dan sistem saraf. Ibu-ibu yang mengandungi yang menggunakan produk mengandungi *mercury*, boleh menyebabkan kesan sampingan kepada anak damit mereka iaitu boleh mengganggu perkembangan otak kanak-kanak yang masih kecil atau anak damit yang belum dilahirkan.

Kementerian Kesihatan tidak pernah menerima permohonan notifikasi produk bagi produk-produk kosmetik berkenaan sebelum di pasaran. Berikutan dapatan ini, produk-produk kosmetik berkenaan adalah dilarang untuk diimport dan dijual di Negara Brunei Darussalam.

Bagi orang ramai yang menjual produk-produk tersebut (termasuk secara *online* seperti melalui Facebook) diingatkan bahawa adalah menjadi satu kesalahan di bawah

Peraturan Ubat (Produk Kosmetik) 2007 untuk mengimport dan memasarkan produk kosmetik di pasaran tempatan tanpa Pengakuan Notifikasi Produk Kosmetik yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa di Kementerian Kesihatan, yang mana melanggar peraturan-peraturan berkenaan. Jika sabit kesalahan boleh di penjara atau denda tidak melebihi BND5,000, selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya sekali.

Para pengguna yang membeli dan menggunakan mana-mana produk tersebut adalah dinasihatkan untuk berhenti menggunakannya dengan serta-merta. Jika mereka mengalami kesan sampingan (*adverse*) atau merasa tidak sihat selepas menggunakan produk tersebut, hendaklah berjumpa dengan doktor dengan segera.

Kementerian Kesihatan juga memohon kerjasama orang ramai untuk melaporkan kepada Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, jika mereka mendapati mana-mana produk yang disebutkan di atas masih di pasaran di Negara Brunei Darussalam.

Untuk maklumat dan perhubungan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Penguatkuasaan Farmasi di talian 2230036, *e-mel* : pharmacy.enforcement@moh.gov.bn atau di Unit Blok 2G8:04, Tingkat 8, Kondominium Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Lima buah Sekolah Rendah sertai 'Siuknya Sains' OGDC

SERIA, Sabtu, 24 Ogos. - Pusat Penemuan Minyak dan Gas (OGDC), sekali lagi mengadakan Siuknya Sains dengan menjemput lima buah sekolah dari Batalion iaitu Sekolah Rendah Binturan, Sekolah Rendah Pantai Berakas, Sekolah Rendah Berakas Garrison, Sekolah Rendah Tentera Laut dan Sekolah Rendah Tutong Kem.

Siuknya Sains bermula dengan cabaran teknologi diikuti dengan pertandingan pertunjukan sains dalam kalangan sekolah-sekolah tersebut yang melibatkan 400 pelajar.

Hadir sebagai tetamu kehormat dan menyaksikan pameran Sains ialah Timbalan Pegawai Pemerintah, Batalion 2 Tutong Kem, Mejar Muhamad Wata bin Abdullah Awat.

Sementara itu, pelbagai pertunjukan sains telah dijalankan oleh kedua-dua pasukan iaitu lima dari lima buah sekolah yang meliputi topik-topik seperti kitaran hidup rama-rama, magnet dan nutrien makanan yang mana menunjukkan kreativiti pelajar, kemahiran bertutur di khalayak ramai dan menguji kebolehan ilmu sains yang dipelajari yang mana pasukan Sekolah Rendah Berakas Garison membawa pulang hadiah pertama.

Seorang pelajar dari Sekolah Rendah Tutong Kem, Norhidayatul Sufia binti Alizam ketika ditemu bual menyatakan bahawa ini merupakan pertunjukan sains pertamanya dan merasa gembira melakukan dengan rakan-rakannya serta berharap OGDC menganjurkan lagi Siuknya Sains terutama di sekolahnya.

Manakala seorang guru sains di Sekolah Rendah Tutong Kem, Norrafah binti Haji Jait menjelaskan sains merupakan satu pendedahan yang baik bagi pelajar-pelajar terutama sesi pembelajaran di luar bilik darjah bagai-manapun memerlukan banyak masa untuk melakukan persediaan.

Acara diakhiri dengan persembahan sains disampaikan oleh penyampai Sains OGDC dan Putra Seni.

Matlamat utama OGDC mengadakan Siuknya Sains adalah untuk menyebarkan dunia sains kepada kanak-kanak sekolah dengan cara yang sangat interaktif dan menyeronokkan sekali gus memberikan kesan yang besar kepada minda para pelajar.

Dengan program ini, BSP melalui OGDC membantu untuk mengambil inisiatif yang secara langsung selaras dengan Kementerian Pendidikan SPN21 iaitu untuk membangunkan dan membina watak masa depan kanak-kanak untuk belajar, berkembang dan lebih berpengetahuan serta relevan dalam masyarakat global.

Mana-mana pihak yang berminat akan program Siuknya Sains di lokasi mereka adalah dialu-alukan untuk menghubungi OGDC di talian 3377200 atau melalui e-mel info@ogdcbrunei.com.

Pro-Canselor UBD berangkat rasmikan Pesta Konvo



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Perasmian Pesta Konvo di Bangunan Perpustakaan UBD. - Foto : Masri Osman. (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan di muka 12 dan 13).

Berkenan merasmikan Pasaria Amal Pusat Ehsan Ke-8

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Ogos. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, pagi tadi berkenan merasmikan Pasaria Amal Pusat Ehsan 2013 Ke-8 Bagi Orang-Orang Kurang Upaya, bertempat di Taman Jubilee, di sini.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Pemegang Amanah Kanan Pusat Ehsan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab dan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Pasaria Amal Pusat tersebut, KC Lim.

Pada majlis tersebut YTM berkenan menerima sumbangan derma daripada Build Mix Trading sejumlah BND5,000, Pertama Department Store sebanyak BND4,000, KFC (B) Sdn Bhd BND3,000, Swee Sdn Bhd BND3,000 dan NAZMI Textiles sebanyak BND2,000 diikuti penyampaian penghargaan kepada City Neon Display & Construction Sdn Bhd, Jabatan Bandaran, Perkhidmatan Elektrik, EZY Printing dan G&J Enterprise.

YTM pada majlis tersebut juga berkenan menerima pesambah daripada Pusat Ehsan.

Dalam kesempatan itu YTM bersabda mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua dermawan *bona fide* yang sentiasa menyokong organisasi ini sepanjang tahun sejak ia ditubuhkan pada tahun 2000.

Dengan adanya sokongan padu daripada masyarakat di negara ini kepada Pusat Ehsan ia diharapkan akan dapat memberikan perubahan kehidupan kepada mereka yang kurang upaya di dalam menjalani kehidupan dan masa depan yang lebih bersinar melalui Pasaria Amal yang diadakan kerana 'Kita Peduli'.

Sejurus sebelum berkenan menyaksikan beberapa petak jualan dan permainan yang mengambil bahagian pada Pasaria Amal tersebut, doa selamat terdahulu dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kuncang.

Pasaria Amal Ke-8 bertemakan 'I Care, You Care, We Care' bertujuan menambah tabung pusat berkenaan dalam menyempurnakan program-program dan perkhidmatan-perkhidmatan yang dijalankan di kedua-dua buah cawangannya.

Selain itu ia juga bertujuan menyerlahkan lagi bagaimana orang awam boleh menyokong pusat berkenaan selaras dengan tema kali ini.

Pusat Ehsan, salah sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang tidak berdasarkan kepada keuntungan di negara ini turut menyediakan pendidikan khas, latihan vokasional dan perkhidmatan pemulihan untuk kanak-kanak dan orang dewasa yang kurang upaya tanpa sebarang bayaran.

Ini merupakan satu cara pusat tersebut memberikan kembali kepada masyarakat kurang upaya satu pendekatan altruistik dengan wawasan membangun bagi setiap individu kurang upaya di negara ini.

Pada masa ini pusat tersebut juga berjaya melahirkan beberapa insan kurang upaya dalam memberikan khidmat mereka bekerja di bank-bank, hotel-hotel dan beberapa penubuhan di negara ini.

Pasaria Amal Pusat Ehsan Ke-8 diadakan selama dua hari bermula hari ini (31 Ogos) dan berakhir 1 September bermula daripada pukul 9.00 pagi hingga 10.00 malam.

Pihak penganjur mengalu-alukan orang ramai datang beramai-ramai memeriahkan lagi pasaria tersebut, selain turut sama menderma dengan membeli barangan yang dijual dan turut serta dalam pelbagai aktiviti serta permainan-permainan yang disediakan.

Pusat Ehsan terletak di Kampung Bengkurong siap dibina pada bulan April 1999 dan dirasmikan pada 4 Oktober 2000.

Lawatan ke tempat menarik di Pyongyang



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan berlawat melawat The Victorious Fatherland Liberation War Museum. - Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar. (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan di muka 3 dan 4).

Adat warisan harus dipelihara



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jafaar semasa menerima Resolusi Seminar pada Majlis Penutup Seminar Sejarah Borneo Ke-3, bertempat di Pusat Sejarah Brunei di ibu negara.

Dari muka 1

Juga dinyatakan dalam resolusi itu ialah untuk mengadakan Memorandum Persefahaman dengan Pusat-pusat Penyelidikan (Arkib) dan seumpamanya dari dalam dan luar negara bagi mendapatkan bahan-bahan 'Kerajaan-kerajaan Melayu dan bangsa Melayu'.

Setiap negara (Negara Brunei Darussalam, Sabah, Kalimantan, Malaysia, Republik Singapura dan Sumatera, Republik Indonesia)

akan memelihara khazanah negara masing-masing tetapi berkongsi maklumat dengan PSB.

Resolusi itu juga menekankan Seminar Sejarah Borneo Ke-4 nanti dicadangkan akan menumpukan kajian yang lebih berorientasikan kepada kemasyhuran ekonomi orang Melayu kerana ekonomi Kerajaan Melayu itu adalah bersifat maritim.

Seminar kali ini yang merupakan kesinambungan daripada Seminar Sejarah Borneo Ke-2 yang diadakan pada tahun 2011 itu

bermula kelmarin bertemakan 'Kerajaan-Kerajaan Melayu dan Hubungannya Dengan Kesultanan Brunei' yang memfokuskan kepada sejarah awal Kerajaan-Kerajaan Melayu Nusantara, Ketamadunan dan Kegemilangan Kerajaan-kerajaan Melayu serta Kelangsungan dan Cabaran Masa Kini yang besar kemungkinan mempunyai pengaruh dalam menunjangi jalinan hubungan negara-negara serantau dalam bentuk kerjasama kebudayaan, sosial, perdagangan, pelaburan dan perekonomian yang mendatangkan banyak manfaat bersama.

Seminar yang berlangsung pada 27 hingga 29 Ogos 2013 di PSB

itu disertai lebih 200 peserta terdiri daripada para pegawai dan kakitangan kerajaan, guru-guru, mahasiswa, persatuan-persatuan, peminat-peminat dan penyelidik-penyelidik sejarah dari dalam dan luar negara.

Sebanyak 40 buah kertas kerja dibentangkan dalam seminar itu menjurus kepada penghuraian, analisa dan pengkajian persejajaran Kerajaan-kerajaan Melayu di Nusantara yang dibentangkan oleh 40 Sejarahwan, Ahli Akademik, Pengkaji Budaya Melayu, Arkeologi, Manuskrip dari Negara Brunei Darussalam, Malaysia, Republik Singapura, Borneo dan Republik Indonesia (Sumatera).

'SEMARAKKAN SUASANA PERAYAAN'

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.